

Jilid I
Bil. 33



Hari Jumaat
21hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4593]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.26 [Ruangan 4627]

Maksud B.27 [Ruangan 4673]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.26 [Ruangan 4627]

Maksud P.27 [Ruangan 4673]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4693]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S, S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Lapis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO',DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL. S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P, S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK'LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wiiayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K.. D.G.S.M., S.H.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BAPAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan)

Yang Berliormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., p.i.s. (Johor Bahru).

- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ADDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ -Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu). .

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., j.p. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

1 „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J.S.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P.(Batu).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).

Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. - (Dungun).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN AUAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Cik Teng Gaik Kwan (Raub).

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN' PETER CHIN FAH Kui (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).

TUAN ABDUL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).

TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).

TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., j.p. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, p.i.s., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAH THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).

TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).

TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.p., p.p.T. (Bagan Datok).

DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., s.s.u., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

TUAN HAI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).

TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).

DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).

TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., s.s.u., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

ang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, p.j.K., A.M.s. (Hulu Selangor).

DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TIEU SUNG SENG *atias* TIU SING SENG (Sibu).

TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

PUAN ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P.B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusot.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat 21hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran); Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Ahmad.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ghazali bin Ahmad tidak hadir)

SISTEM PAROLE UNTUK
BANDUAN

2. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem "parole" untuk banduan di negara ini.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan sistem "parole" di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran); Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad.

(Soalan No. 3 Y.B. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad tidak hadir)

SIRI DIDIKAN SIVIK DI TV

4. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan langkah yang diambil untuk memperkenalkan siri didikan sivik dalam TV terutama mengenai sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan dan perjanjian perseiahaman di antara kaum sebelum mencapai kemerdekaan, supaya rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat menghayati semangat dan roh perjuangan pemimpin-pemimpin negara kita di masa lampau.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan-rancangan terbitan RTM, aspek-aspek sejarah dari pejuang kemerdekaan telah banyak diberikan perhatian. Siri-siri rancangan yang mengutamakan aspek-aspek ini termasuklah siri seperti "Hari Ini Dalam Sejarah", "Panggung RTM" serta juga rancangan-rancangan hiburan yang lain. Dalam pada itu, satu siri rancangan baru berjudul "Jasa Mu Dikenang" sedang di dalam proses penerbitan oleh RTM. Siri ini akan mengandungi kisah-kisah perjuangan pemimpin-pemimpin negara dalam era pra-merdeka dan sesudah merdeka. Rancangan ini bertujuan memberi pengetahuan dan didikan sivik kepada rakyat negara ini mengenai sejarah perjuangan kemerdekaan, perjanjian persefahaman di antara kaum sebelum mencapai kemerdekaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tujuan menanamkan semangat patriotism.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana generasi muda kita pada hari ini, termasuk juga generasi tua yang kurang memahami tentang aspek-aspek sejarah perjuangan kemerdekaan, adakah pihak RTM bercadang untuk membanyakkan lagi rancangan-rancangan drama-drama yang berunsur sejarah perjuangan?

Yang kedua, adakah juga pihak RTM atau Kementerian Penerangan bercadang menerbitkan buku-buku yang berunsurkan sejarah dari berbagai bahasa yang dibuat dengan mudah, ringkas untuk tatapan masyarakat umum?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, saya rasa RTM atau Kementerian Penerangan sekarang ini, seperti saya katakan tadi, sedang menyediakan satu rencana baru yang berjudul "Jasa Mu Dikenang" di mana dalam rancangan ini veteran-veteran, sama ada yang masih hidup, mahupun yang sudah meninggal dunia akan difilemkan untuk dijadikan satu peringatan melalui filem untuk ditonton oleh masyarakat kita, sama ada dari sekarang mahupun pada masa-masa yang akan datang. Jadi, setakat ini pihak RTM telah dapat mengumpulkan lebih kurang 26 nama orang veteran-veteran, sama ada yang masih hidup mahupun yang sudah mati, iaitu melalui interview-interview semasa hayat mereka, mahupun yang masih hidup sekarang ini, iaitu bermula daripada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sampailah ke 26, iaitu seperti saya sebutkan tadi yang sudah meninggal yang mana pihak Radio ataupun Television telah sempat menginterview mereka sebagai rekod yang disimpan untuk difilemkan dalam rencana "Jasa Mu Dikenang".

Bagi menjawab soalan yang kedua, saya rasa kalau perkara ini memang perlu diadakan untuk mengeluarkan atau menerbitkan buku-buku sebagai panduan, saya rasa penelitian ataupun kajian yang mendalam boleh kita buat, insya Allah.

PEGAWAI BADAN PENCEGAH RASUAH—AWASI

5. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengawasi dan memastikan bahawa pegawai Badan Pencegah Rasuah tidak akan menerima rasuah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memastikan dari awal-awal lagi bahawa calon-calon yang memasuki skim perkhidmatan BPR adalah dipilih dan ditapis dengan teliti supaya bakal-bakal pegawai BPR itu adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar layak dan berkualiti untuk memikul tanggungjawab sebagai seorang pegawai BPR. Seterusnya dari masa ke semasa, Badan ini sentiasa memastikan bahawa pegawai-pegawainya berkhidmat dengan bersih, cekap dan amanah sejajar dengan hasrat Kerajaan.

Dalam hal ini, pertamanya semua pegawai BPR dikehendaki mengisytiharkan harta pada tarikh ia dilantik ke dalam perkhidmatan BPR dan juga dari masa ke semasa. Keduanya, mereka juga diberi kursus-kursus latihan bagi mempertingkatkan lagi mutu dan prestasi kerja mereka serta kewibawaan pegawai-pegawai itu sendiri, termasuklah penerapan nilai-nilai Islam di kalangan pegawai-pegawai yang beragama Islam. Mereka juga diawasi melalui tapisan keutuhan dan juga melalui maklumbalas yang diterima daripada orang ramai mengenai perlakuan

mereka untuk menentukan bahawa rekod perkhidmatan mereka itu adalah sentiasa bersih.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pegawai-pegawai dahpada Badan Pencegah Rasuah itu gajinya lebih tinggi daripada kakitangan Kerajaan? Kalau tidak, mungkin menyebabkan satu perkara oleh kerana sesuatu sebab daripada segi kewangan, daripada segi kedudukan mereka tidak mampu atas gajinya untuk mendapatkan apa-apa yang diinginkan, maka satu perkara timbul ialah kelemahan manusia. Kalau kelemahan manusia itu timbul, ini terlihat kepada sesiapa juga. Adakah Kerajaan menimbang apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengelakkan kelemahan manusia itu yang diakibatkan kepada pegawai-pegawai daripada Badan Pencegah Rasuah?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali untuk menjawab soalan itu perlu kita ingat bahawa semua gaji-gaji dalam Kerajaan itu adalah ditentukan mengikut gred masing-masing dan gaji untuk pegawai-pegawai yang bekerja di BPR ia adalah mengikut tanggagaji yang tersedia ada. Mengikut pengetahuan kita, setakat ini tidak ada seorang pun yang lemah semangat kerana gaji tidak mencukupi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Pasir Pinji, semua pegawai Kerajaan kalau kita melihat kepada gaji-gaji mereka memang tidak cukup, sedangkan Yang Berhormat sendiri saya ingat \$3,000 inipun tidak cukup. Apa yang penting adalah amanah, cekap dan bersih pada tiap-tiap pegawai Kerajaan.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai perkara pencegah rasuah, adakah Kerajaan telah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak boleh dengar, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Adakah Kerajaan telah gariskan takrif rasuah sebab kita di Malaysia ini masih kelabu apa itu rasuah, yang mana hadiah, yang mana kenang-kenangan, yang mana kenang jasa, yang mana sugu hati. Jadi, adakah kita telah gariskan takrif rasuah dalam garisan Islam ataupun dalam garisan undang-undang kerana ini kadang-kadang kalau di peringkat orang tinggi-tinggi dipanggil! hadiah, kalau di peringkat rendah seperti polis yang \$10, \$20 itu dipanggil rasuah. Kalau yang berjuta-juta itu hadiah namanya. Yang sebenarnya bagaimana tentang ini. Adakah Kerajaan telah bercadang atau telah buat tentang garisan rasuah dengan sebenar-benarnya? Terima kasih.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, memang soalan itu terkeluar daripada tajuk, tetapi sukacita juga saya memberi penjelasan sedikit mengenai rasuah. Saya bukan arif tentang rasuah, tetapi bagi pandangan saya sendiri, rasuah itu adalah merupakan seseorang yang menerima apa juga benda dalam bentuk wang atau makanan yang dihadaiah daripada orang yang tidak ada kena-mengena dengan kita adalah rasuah.

PELABURAN ASING KE MALAYSIA

6. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai pengaliran pelaburan asing ke Malaysia dari 1982 hingga kini menurut pecahan asal usulnya, dan industri.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, pelaburan asing dalam kegiatan sektor petroleum dianggarkan sebanyak \$2,155 juta

pada tahun 1982, \$1,278.8 juta dalam tahun 1983, \$1,104 juta dalam tahun 1984 dan \$1,049 juta dalam tahun 1985. Dalam tahun 1986, pelaburan yang dirancangan oleh pelabur-pelabur asing dalam kegiatan sektor petroleum adalah sebanyak \$1,400 juta. Dari pelaburan asing dalam sektor petroleum ini semenjak tahun 1982 hingga tahun 1986, kira-kira 47.2% adalah dari Amerika Syarikat, 39.5% dari Belanda dan 13.3% dari lain-lain negara yang dijalankan secara usahasama.

Bagi pelaburan asing dalam sektor perkilangan, modal yang diluluskan oleh MIDA untuk dilabur di Malaysia ialah \$519 juta pada tahun 1982, \$296.3 juta dalam tahun 1983, \$275.4 juta dalam tahun 1984, \$324.9 juta dalam tahun 1985 dan \$199.9 juta dalam lapan bulan pertama tahun ini. Dari jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan oleh MIDA sejak tahun 1982 hingga bulan Ogos, 1986, 20.5% dari pelaburan itu adalah dari Jepun, 10.5% dari United Kingdom, 9.3% dari Singapura, 7.9% dari Amerika Syarikat dan 51.8% dari lain-lain negara.

Menurut pecahan industri pula, 18.6% dari pelaburan yang diluluskan untuk sektor perkilangan adalah untuk industri kimia, 11.5% untuk industri bukan logam, 11.1% untuk industri elektrik dan elektronik, 9.5% untuk industri kelengkapan pengangkutan dan 49.3% untuk lain-lain industri.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dalam tempoh yang sama terdapat juga pelaburan asing dalam sektor industri pelancongan? Jika ada, berapakah jumlahnya, jika tidak ada, mengapa tidak ada pelaburan asing yang melabur dalam sektor ini dan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan

untuk mengalakkan pelabur-pelabur asing melibatkan di mereka dalam sektor industri petancongan?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya tidak ada jumlah pelaburan yang dipecahkan di bawah pelancongan. Saya harap Yang Berhormat menulis kepada saya mengenai perkara ini dan saya akan tengok kalau sekiranya ada angka-angka yang lebih detail lagi.

Tuan Mutang Tagal: Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada banyak wang yang telah pun dibawa masuk ke dalam negara ini untuk pelaburan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan sedar bahawa ada syarikat multi-national yang mempunyai anak syarikat di negara ini tidak membawa, dengan izin, physical cash dari negara mereka ke negara ini apabila membuat pelaburan. Yang mereka buat ialah jika sekiranya sesuatu pelaburan itu memerlukan \$100 juta misalnya, parent company, dengan izin, hanya membuat jaminan atas pinjaman itu, yakni \$100 juta itu dipinjam dari bank tempatan. Ini bererti wang kita pula yang digunakan oleh mereka. Keadaan ini adalah self defeating, dengan izin, dari segi usaha kita untuk menarik lebih banyak wang asing datang ke negara ini. Jika sedar, apakah langkah-tangkah yang diambil supaya, dengan izin, physical cash dibawa masuk oleh syarikat asing apabila multi-national ini membuat pelaburan di negara ini kita dapat mempertingkatkan lagi jumlah pelaburan wang asing ke negara ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang betul ada sebahagian daripada syarikat-syarikat besar ini melabur di negara kita ini dengan menggunakan wang pinjaman dari negara kita. Ini kita tidak dapat elakkan sama sekali kerana di dalam kes-kes tertentu kita memerlukan

teknologi yang dibawa oleh syarikat-syarikat multi-national ini. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak betul untuk menyatakan bahawa semua pelaburan-pelaburan seperti ini oleh syarikat-syarikat besar atau, multi-national corporations ini menggunakan wang pinjaman-pinjaman belaka. Jadi dari segi pelaburan ada juga di antara mereka yang membawa teknologi baru dan membawa modal mereka daripada luar negara kita ini.

PELUANG PELAJARAN

7. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan perkembangan pelajaran di Malaysia, Kerajaan akan meluas dan mengembangkan peluang-peluang pendidikan serta institusi-institusi pelajaran di tiap peringkat. Kerajaan juga akan mengkaji cara-cara baru untuk mengurangkan beban ibubapa yang mahu anak-anak mereka mendapat pelajaran yang sebaik-baiknya. Apakah langkah-langkah dan perancangan Kerajaan bagi:

- (a) meluas dan mengembangkan peluang-peluang pendidikan serta institusi-institusi pelajaran di tiap peringkat; dan
- (b) mengurangkan beban ibubapa yang mahu anak-anak mereka mendapat pelajaran yang sebaik-baiknya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran senantiasa berusaha untuk memperluaskan peluang pelajaran di semua peringkat di negara ini. Di peringkat sekolah, langkah-langkah yang dijalankan ialah dengan membina lebih banyak bilik-bilik darjah, mendirikan asrama, mengadakan skim pinjaman buku teks, projek susu, makanan tambahan,

biasiswa, menubuhkan pusat sumber dan menambahkan buku-buku perpustakaan.

Di peringkat maktab dan institusi pengajian tinggi pula, usaha-usaha sedang dijalankan untuk membesarkan kampus-kampus induk universiti-universiti yang sedia ada, menambah bilangan kampus-kampus cawangan dan mewujudkan kursus-kursus baru bagi membolehkan pengambilan pelajar-pelajar yang lebih ramai sesuai dengan hasrat kita untuk memenuhi keperluan tenaga manusia untuk pembangunan negara.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa Kerajaan sentiasa menyediakan peluang pelajaran di semua sekolah-sekolah di negara kita ini. Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekurang-kurangnya ada 2 buah sekolah di kawasan saya yang telah pun diluluskan sejak awal tahun lapan puluhan, Sekolah Kebangsaan Cheh satu daripadanya, tetapi hingga kini pembinaannya belum lagi dijalankan. Bilakah sekolah itu akan dibina?

Yang kedua, Sekolah Menengah Dato' Ahmad telah meminta agar diadakan kelas Tingkatan VI sejak beberapa tahun yang lalu, tetapi hingga kini Kementerian belum meluluskan. Saya ingin tahu untuk memberi peluang kemudahan pelajaran kepada penduduk luar bandar, bilakah kelas Tingkatan VI itu hendak diadakan di Lenggong?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini spesifik kepada kawasan Ahli Yang Berhormat, namun demikian ingin saya jelaskan bahawa memang dalam Rancangan Malaysia Keempat banyak projek-projek yang kita ingin hendak laksanakan tetapi oleh kerana tekanan ekonomi yang

tidak begitu memuaskan hinggalah di masa ini, kita terpaksa menangguhkan kelulusan diberi kepada projek-projek ini. Malah, dalam Rancangan Malaysia Kelima pun kita bercadang untuk menyambung projek-projek yang telah kita luluskan dan mungkin telah dijanjikan sedikit sebanyak dalam Rancangan Malaysia Keempat dan kita harap supaya projek-projek ini akan dapat kita laksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Namun demikian, memandangkan bahawa keadaan ekonomi kita belum lagi memuaskan, kita tidak dapat berjanji bahawa apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat kita laksanakan.

Mengenai soalan yang kedua, perlu saya jelaskan bahawa banyak perkara yang perlu kita pertimbangkan sebelum menubuhkan ataupun memberi kebenaran untuk penubuhan kelas Tingkatan VI di sekolah-sekolah. Salah satu daripada syarat-syaratnya ialah ia mesti mempunyai pelajar-pelajar yang cukup, kemudian kita juga terpaksa mencari guru-guru yang cukup dan kemudahan-kemudahan yang perlu untuk program ini. Namun demikian, apa yang Ahli Yang Berhormat sarankan itu, insya Allah, kita akan beri perhatian.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak Kerajaan berhasrat ataupun mempunyai rancangan untuk memperbanyakkan lagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ataupun Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan terutama di bandar-bandar yang terdapat di Semenanjung Malaysia?

Adakah Kerajaan berhasrat ataupun ada rancangan untuk membina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang berasrama penuh?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana penjelasan daripada Timbalan Menteri Pelajaran sekejap tadi, di dalam usaha untuk mengatasi beban ibubapa untuk peluang pendidikan sebaik-baiknya kepada anak-anak mereka ialah membina ataupun menambah pembinaan asrama. Adakah di dalam cadangan Kementerian Pelajaran untuk membina asrama-asrama desa untuk kemudahan penduduk-penduduk desa yang menghadapi kekurangan kemudahan tempatan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ini memang kita pertimbangkan kerana terdapat di beberapa buah negeri, termasuk negeri Sarawak misal kata, kita memang ada asrama seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Namun demikian, di tempat-tempat yang lain termasuk juga mungkin di kawasan Ahli Yang Berhormat, kita boleh kaji dan mungkin kita akan lihat masalah yang ditimbulkan itu.

NELAYAN NEGERI KELANTAN— GANGGUAN

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah atau usaha yang dijalankan oleh Kerajaan bagi mengelakkan nelayan-nelayan negeri Kelantan terus diganggu oleh nelayan-nelayan asing. Adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan pengkalan Marin dan TLDM di mana-mana kawasan negeri Kelantan,

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan); Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya Akta Zon Eksklusif Ekonomi (ZEE) pada tahun 1984 dan

Akta Perikanan 1985, pihak Kerajaan telah berkuasa untuk mengambil sebarang tindakan atas kesalahan-kesalahan yang berlaku di laut wilayah Malaysia dan di lautan ZEE. Untuk mengawal kedua-dua perairan tersebut, satu pusat penyelarasan penguatkuasaan iaitu Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) telah ditubuhkan di TLDM, Lumut. Pusat ini dianggotai oleh agensi-agensi seperti di TLDM, Polis Marin, TUDM dan Jabatan Perikanan.

Dengan tertubuhnya PPPM, adalah didapati bahawa di perairan-perairan di mana nelayan tempatan selalu diancam oleh nelayan-nelayan asing telah dikawal. Tindakan tegas telah pun diambil oleh agensi-agensi penguatkuasaan, iaitu semua kes-kes tangkapan dihadapkan ke mahkamah dan kes-kes yang didapati bersalah, bot-bot tersebut akan dirampas dan crew dikenakan denda yang berat. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhonnat, di bawah penyelarasan PPPM, lautan negeri Kelantan itu sentiasa dikawal oleh kapal-kapal peronda daripada agensi penguatkuasaan dari masa ke semasa.

Untuk jawapan bahagian kedua soalan ini, soal cadangan penempatan pengkalan Polis Marin dan TLDM di kawasan negeri Kelantan adalah bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, jika keadaan benar-benar memerlukan perkhidmatan Polis Marin dan TLDM di perairan negeri Kelantan, pihak Kementerian Pertanian akan menghubungi kedua-dua Jabatan tersebut untuk tindakan lanjut.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa tindakan tegas telah pun diambil

untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan kita daripada diganggu oleh nelayan-nelayan asing. Saya ingin tahu sejak tindakan tegas ini diambil, berapa buah bot asinglah yang telah ditahan oleh pihak berkuasa negara kita, oleh sebab mereka ini mengganggu nelayan-nelayan di negara kita?

Soalan kedua, bot-bot yang dirampas itu, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, apakah telah terjadi kepada bot-bot tersebut. Adakah bot-bot ini diserahkan kepada Persatuan-persatuan Nelayan tempatan?

Soalan ketiga, saya difahamkan gangguan-gangguan ini dilakukan oleh pihak nelayan-nelayan asing oleh sebab kawasan-kawasan penangkapan ikan di negara-negara tersebut sudahpun pupus daripada ikan yang dapat diperolehi oleh nelayan-nelayan tersebut. Soalan saya, adakah cadangan usahasama di antara nelayan-nelayan negara asing dengan negara ini dapat menyelesaikan masalah yang telah berlaku itu?

Tuan Lubat Wan: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat ini, dia lebih tahu lagi berkenaan banyaknya bot yang telah pun ditangkap dalam dua tahun yang lalu ataupun lebih daripada itu. Tetapi oleh kerana untuk memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, termasuk juga Yang Berhormat itu, mungkin dia sudah lupa banyaknya bot-bot tersebut, jawapannya adalah seperti berikut:

Dalam tahun 1985, jumlah bot yang telah dirampas ialah 78 buah. 22 buah dari bot ini dipunyai oleh Indonesia; 52 buah oleh Thailand; 2 buah oleh Taiwan; 1 buah oleh Singapura dan 1 lagi dari Filipina.

Dalam tahun 1986, banyaknya bot yang telah dirampas ialah 83 buah—Indonesia 22 buah; Thailand 41 buah; Taiwan 2 buah; Singapura

8 buah; Filipina 3 buah; Vietnam 5 buah; China 1 buah; dan Hongkong 1.

Soalan Yang Berhormat yang kedua, bot-bot tersebut kita lelong ataupun kita berikan kepada sesiapa yang memerlukannya. Ada beberapa buah bot yang dianggap boleh dipakai sudahpun dibeli oleh beberapa syarikat, tetapi keutamaan diberi kepada syarikat—yang saya sudah lupa nama syarikat itu.

Ketiga, benar negara jiran sentiasa datang untuk menangkap ikan di Wilayah Perairan Malaysia ini, bukan semua, tetapi negeri Thailand oleh kerana kebanyakan tempat di negara itu telah pupus ikan, jadi mereka terpaksa datang ke mari untuk mendapatkan sumber-sumber ikan yang banyak dan perkara ini sentiasa kita awasi dan perundingan di antara Kerajaan kita ataupun Jabatan Perikanan kita dan pihak Thailand sentiasa dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi sekarang.

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah kita mendengar jaminan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian berhubung dengan keselamatan nelayan-nelayan kita, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pertanian, khususnya Jabatan Perikanan, apakah mungkin kita membekalkan senjata-senjata yang perlu kepada bot-bot besar nelayan yang hendak menangkap ikan di laut dalam bagi nelayan-nelayan mempertahankan diri seperti mana pembekalan senjata itu kita bekalkan kepada RELA?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini pihak kita belum lagi ada keputusan untuk membekalkan bot-bot yang besar ini dengan senjata bagaimana yang disyorkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat itu, oleh kerana kita

mendapati Polis Merin kita sekarang dengan gigihnya mempatrol perairan kita untuk menjaga keselamatan para nelayan yang pergi menangkap ikan di (aut. Tetapi pihak kita juga akan mengambil perhatian terhadap syor ini. Jikalau bermanfaat untuk menjaga keselamatan para nelayan, kita akan meneliti cadangan itu.

RTM SEBAGAI PERBADANAN AWAM

9. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk menjadikan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) sebuah perbadanan awam yang bebas; jika tidak, nyatakan sebab-sebab mengapa beliau tidak akan menimbang rancangan sedemikian.

Tuan Railey bin Jeffrey: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan pada masa ini belum lagi mempunyai rancangan untuk menjadikan Radio dan Televisyen Malaysia sebagai sebuah perbadanan awam yang bebas, memandangkan bahawa pada masa ini sudah pun terdapat sebuah stesyen televisyen swasta yang sedang beroperasi di negara ini yang merupakan TV3.

Soalan menjadikan Radio dan Televisyen Malaysia sebagai perbadanan awam perlu dikaji dengan teliti dari segala aspek agar matlamat Kementerian Penerangan untuk menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar mengenai perhubungan sebarang am tidak terjejas. Sungguhpun begitu, kerja-kerja tertentu mungkin akan diwastakan jika ianya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menguntungkan oleh pihak swasta.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah matlamat Kementerian yang dia sebutkan tadi meliputi tujuan Kerajaan untuk

menguasai apa yang disebarkan dalam RTM, terutamanya berita-berita yang hanya menumpukan berita-berita Barisan Nasional, kerana jelasnya apabila berita disiarkan tiap-tiap malam, jarang sekali kita mendapat pandangan yang lain. Adakah ini merupakan matlamat Kerajaan menggunakan RTM sebagai alat politik?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, ini saya rasa jika ada orang menganggap bahawa siaran-siaran yang dilakukan oleh RTM itu adalah merupakan anggapan semata-mata, tetapi saya rasa tiada berasas. (*Tepuk*)

KEGIATAN YAHUDI

10. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan ada menyebut tentang adanya kegiatan Yahudi dan agen Yahudi yang memperalatkan anasir dalam negeri untuk menentang Kerajaan:

- (a) dapatkah Kerajaan menamakan pihak-pihak dalam negeri yang terlibat dan sejauh mana kegiatan itu boleh mengancam Kerajaan dan negara;
- (b) adakah kegiatan-kegiatan yang ditaja oleh Yahudi tapi tidak menentang Kerajaan secara terbuka tidak dikira bahaya kepada keselamatan negara; dan
- (c) apakah sejak merdeka, Malaysia telah bebas dari sebarang pengaruh Yahudi.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Seremban pada 0 hb Oktober tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan

mengenai isu ini dengan panjang lebar. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tiada soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Fung Ket Weng.

JAMBATAN SEGAMA/ KINABATANGAN—PEMBINAAN

11. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan mulakan pembinaan jambatan-jambatan di Segama dan Kinabatangan dan harga setiap jambatan tersebut, nama penender yang berjaya dan tarikh ianya dijangka siap dan apakah penalti yang akan dikenakan sekiranya berlaku kelewatan dalam pembinaan jambatan-jambatan tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, tarikh penyerahan tapak bagi pembinaan jambatan Segama dan Kinabatangan adalah bermula pada bulan November ini yang mana kedua-dua jambatan tersebut dikeluarkan tender sebagai satu package projek. Harga tender projek tersebut adalah sebanyak \$45,820,565.23 - sen. Penender yang telah berjaya mendapat kontrak itu ialah Larson & Turbo Limited dari Bombay, India.

Jambatan Segama dijangka siap dalam tempoh dua tahun manakala jambatan Kinabatangan akan siap dalam tempoh tiga tahun. Mengikut syarat kontrak yang telah ditandatangani jika sekiranya kontraktor itu tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan penalti yang akan dikenakan ialah sebanyak \$10,000 pada setiap hari.

HUTANG NEGARA

12. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman luar setakat ini dan

pecahkan jumlah tersebut mengikut pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, agensi-agensi atau badan berkanun Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Persekutuan. Berapa peratuskah jumlah pinjaman dari GNP kita dan berapa peratuskan "debt-service ratio"nya, adakah peratus dan "debt-service ratio" ini agak tinggi memandangkan kedudukan ekonomi kita sekarang ini adalah kurang sihat.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang luar sektor awam pada Oktober 1986 adalah sebanyak \$39,374 juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$28,151 juta adalah hutang luar Kerajaan Persekutuan manakala sebanyak \$11,223 juta adalah hutang luar negeri pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Jumlah ini adalah 59.7% dari Keluaran Negara Kasar bagi tahun 1986 yakni yang berjumlah \$65,956 juta.

Nisbah bayaran balik hutang luar Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1986 dianggarkan sebanyak 9.2%. Boleh dikatakan bahawa nisbah 9.2% ini masih dalam lingkungan yang ditetapkan oleh pihak IMF bagi negara-negara yang sedang membangun. Ertinya masih lagi selamat.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya hutang-hutang daripada negeri asing itu begitu banyak. Adakah Kerajaan mengambil apa langkah jikalau keadaan ekonomi kita tidak mampu untuk membayar balik hutang itu, adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan negeri-negeri yang kita berhutang itu dikutip cukai daripada negeri kita ataupun dijual pulau-pulau kecil itu untuk membayar hutang itu.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Wakil Rakyat ini anih sedikit pada pandangan saya kerana dia

mencadangkan supaya negara lain kutip cukai di tempat kita dan jual pulau-pulau untuk bayar hutang. Barangkali katau DAP menang tidak tahulah, mungkin jual negara kita (*Tepuk*).

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu kita fikirkan perkara yang seperti ini, sebab telah beberapa kali saya menyatakan kita belum pernah lagi menjadual semula hutang-hutang, ertinya kita boleh bayar termasuk elaun kepada pihak Ahli dari Pasir Pinji tadi. (*Ketawa*)

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjelaskan benar atau tidak benar hutang negara sekarang akan berlarutan untuk 30 atau 40 tahun yang akan datang bagi membayarnya balik. Jika demikian apakah beban hutang ini akan dirasai oleh anak cucu kita selepas daripada ini. Jika untuk mengatasinya memerlukan langkah-langkah tegas, apakah langkah-langkah tegas itu yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, hutang sesebuah negara biasanya adalah hutang yang memakan masa yang panjang untuk dibayar. Ada sampai hingga 20 tahun misalnya. Maka itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak membuat hutang lagi mulai daripada hari ini, barangkali dalam tempoh 20 tahun semua hutang habis.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan berhenti berhutang kerana setagi kita hidup, selagi kita ada negara, kita akan membayar hutang-hutang yang telah kita buat, tetapi kita akan buat hutang yang baru pula. Maka dengan kerana itu hutang-hutang ini akan teruslah berjalan

barangkali bukan sahaja 40 tahun, malah 40,000 tahun pun terus kalau masih lagi ada dunia pada masa itu.

Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita hanya berhutang mengikut keupayaan kita membayar hutang itu, dan saya percaya anak cucu kita pun tidak marah. Sebab kita berhutang ini untuk pembangunan dan pembangunan itu untuk mereka.

IJAZAH UNIVERSITI YANG DIIKTIRAF

13. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pelajaran menyatakan negara dunia ketiga yang sedang membangun di mana ijazah mereka diiktirafkan; apakah ijazah dan nama universiti yang berkenaan; dan sama ada Kerajaan akan mengiktirafkan lebih banyak ijazah dari negara-negara Dunia Ketiga.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengiktiraf ijazah-ijazah universiti-universiti dari 25 buah negara Dunia Ketiga. Senarai ijazah dan universiti universitinya adalah terlalu banyak dan berbagai. Oleh kerana itu tidaklah dapat dinyatakan satu persatu di sini. Pengiktirafan sesuatu ijazah adalah berdasarkan kepada nilai yang setaraf dengan ijazah tempatan serta kepada keperluan dalam perkhidmatan awam. Buat masa ini ijazah-ijazah yang diiktiraf dari negara-negara Dunia Ketiga adalah mencukupi untuk keperluan kita.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dahpada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran apakah nilai-nilai yang disebutkan tadi yang diambil kira untuk menilai satu-satu ijazah dari negara ketiga sebelum ianya

diiktirafkan di negara ini. Apakah kaedah pengiktirafan ini berbeza dari ijazah-ijazah yang dikeluarkan dari negara maju seperti Amerika Syarikat, kerana kita sedia maklum tidak semua ijazah yang dikeluarkan oleh negara maju mendapat pengiktirafan negara ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pertama saya sudah jelaskan di dalam jawapan saya berkaitan dengan ijazah dari negara yang maju seperti di Amerika. Kita pun faham ada juga ijazah yang dahulu kita sudah memberi pengiktirafan dan pada masa sekarang kita sedang kaji sama ada hendak terus memberi pengiktirafan ataupun menolak pengiktirafan itu sebab nampaknya di dalam negara-negara yang maju pun juga ijazahnya sudah jatuh tarafnya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri berkenaan berkata bahawa kriteria untuk menentukan sama ada Kerajaan akan mengiktirafkan ijazah dari Dunia Ketiga adalah mengikut nilai-nilai ijazah, adakah ianya setanding dengan ijazah universiti tempatan kita.

Saya hendak bertanya, mengapakah ijazah seperti ijazah-ijazah Perubatan dan Pergigian di universiti-universiti dari Taiwan tidak dibekalkan pengiktirafan yang seharusnya seperti yang diberikan kepada universiti-universiti dari Amerika Syarikat sedangkan ianya juga merupakan sebuah negara yang termaju sekali. Mengapa ianya tidak diberikan pengiktirafan yang sama?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya, ijazah-ijazah dari universiti-universiti Taiwan ada di dalam senarai untuk dikaji dan untuk ditimbang dengan teliti oleh Kementerian Pelajaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.

(Soalan No. 14 Y.B. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan tidak hadir).

PEGAWAI POLIS—KEKASARAN ATAS ORANG DISYAKI

15. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar ada beberapa orang pegawai Polis menggunakan kekasaran ke atas orang disyaki apabila menyoal mereka tersebut sewaktu menjalankan penyiasatan;
- (b) apakah dasar Kerajaan mengenai pegawai Polis yang menggunakan kekasaran untuk membujuk jawapan-jawapan daripada orang disyaki itu, dan kadang-kadang menyebabkan luka ke atas orang yang tidak bersalah; dan
- (c) memberi jumlah kes-kes dalam tahun 1986 setakat ini di mana pihak Jabatan Polis telah mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai Polis yang mengguna kekerasan ke atas orang yang disyaki apabila menjalankan penyiasatan.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat itu jarang sekali berlaku. Apabila berlaku, tindakan tegas di sisi undang-undang diambil terhadap anggota Polis yang didakwa terlibat. Tindakan yang diambil ialah sama ada mendakwa mereka di mahkamah ataupun mengenakan tindakan tatatertib.

Untuk maktuman Ahli Yang Berhormat, dari bulan Januari hingga September 1986, hanya 9 aduan telah

diterima, 7 aduan masih dalam siasatan, sementara 2 aduan lagi siasatan telah selesai dijalankan dan telah dikemukakan untuk keputusan Timbalan Pendakwa Raya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Menteri berkenaan setakat mana pegawai-pegawai Polis ada kuasa untuk guna senjata atas orang awam yang disyaki terlibat dalam kes-kes jenayah?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pegawai Polis telah diberi peraturan-peraturan yang tertentu apabila boleh menggunakan senjata dari segi menghadapi masalah terutama sekali dari segi masalah jenayah. Oleh hal yang demikian, jika didapati bahawa keselamatan seorang pegawai Polis terlibat, maka ia boleh menggunakan senjata.

Dr Eng Seng Chai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Suka saya minta daripada Yang Berhormat Menteri, apakah yang akan jadi kepada yang salah kena pukul atau salah menerima kekejaman Polis masa dalam tahanan, apakah akan jadi kepada mereka selepas mereka dilepaskan. Adakah dia dibayar dengan pampasan atau dia diberi satu, dengan izin, public apology?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pihak pegawai Polis yang mana didapati bersalah atas dakwaan-dakwaan yang dikemukakan bagi mereka, mereka akan dihadapkan ke mahkamah untuk menentukan apakah jenis hukuman yang patut dijatuhkan kepada mereka yang berkenaan. Oleh itu terpujanglah kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman kepada pegawai Polis yang berkenaan dan juga sekiranya perlu, kepada mereka yang terlibat.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu dalam tahun ini mulai 1 hb Januari, setakat kini berapa orang pegawai Polis telah didakwa di mahkamah oleh kerana menggunakan kekerasan ke atas orang awam apabila mereka di bawah tahanan ataupun di dalam lokap Polis?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab sebentar tadi bahawa pada masa ini mulai daripada Januari hingga bulan September, 9 aduan telah diterima, dan aduan-aduan yang berkenaan sama ada masih dalam siasatan ataupun menunggu keputusan Timbalan Pendakwa Raya. Jadi, tidak ada kes yang dibawa ke mahkamah. Mungkin Ahli Yang Berhormat tidur sebentar tadi. (*Ketawa*)

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SISTEM PARIT/PERAIRAN SABAH

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah peruntukan bagi Sabah setiap tahun untuk pembangunan dan penyelenggaraan sistem parit dan perairan dalam negeri bagi tempoh 1983 hingga 1986. Memandangkan banyak tempat-tempat di sekitar Kota Kinabalu (seperti Luyang, Inanam, Penampang dan lain-lain) yang sering dilanda banjir selepas hujan lebat, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut terutamanya di bandar.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk pembangunan sistem parit dan perairan di Negeri Sabah bagi tempoh tahun 1983 hingga 1986 berjumlah

\$30.418 juta Pecahan peruntukan bagi setiap tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan</i>
1983.. ..	\$4.142 juta
1984.. ..	\$6.32 juta
1985.. ..	\$7.656 juta
1986.. ..	\$12.3 juta

Bagi kerja-kerja penyelenggaraan sistem parit dan perairan, peruntukan ini adalah disediakan oleh Kerajaan Negeri. Sejumlah \$9.365 juta dilaporkan telah dibeianjkan bagi tempoh tahun 1983 hingga tahun 1985 seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Perbelanjaan</i>
1983..	\$2.745 juta
1984..	\$3.274 juta
1985..	\$3.346 juta

Sebanyak \$3.56 juta dijangka dapat dibelanjakan pada tahun 1986.

Berhubung dengan masalah banjir, kajian Pelan Induk Saliran bagi kawasan Kota Kinabalu termasuk Luyang dan kawasan Inanam telah dijalankan. Hasil dari kajian tersebut yang siap pada tahun 1981, dua projek di bawah program tebatan banjir telah dikemukakan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Walaupun bagaimanapun, memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang dihadapi di negara ini, peruntukan untuk melaksanakannya tidak dapat disediakan pada masa ini.

PASARAN GETAH/TIMAH/ MINYAK KELAPA SAWIT

17. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengenai pengumuman bahawa beliau akan melawat negeri-negeri lain

untuk memperluaskan pasaran getah, timah, minyak kelapa sawit dan sebagainya, nyatakan:

- (a) bila dan siapakah akan menjadi ahli rombongannya;
- (b) nama-nama Negara, anggaran dan berapa lamanya akan dijadualkan oleh lawatan yang dicadangkan itu; dan
- (c) kesan baik dan buruknya jika lawatan tersebut dapat digunakan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

Saya suka memaklumkan di Dewan ini bahawa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama akan menganggotai Misi Teknikal dan Ekonomi Getah ke Korea Selatan dan Jepun dari 24hb hingga 28hb November, 1986 dan seterusnya mengetuai Misi Teknikal dan Ekonomi, Getah dan Minyak Kelapa Sawit ke Republik Rakyat China dari 29hb November dan 8hb Disember, 1986 ini.

Misi Teknikal Getah dan Minyak Kelapa Sawit ini akan dianggotai oleh pegawai-pegawai Kementerian Perusahaan Utama iaitu 2 orang, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah 2 orang, Institut Penyelidikan Malaysia 1 orang, Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia seorang, Institut Penyelidikan Kelapa Sawit seorang, Lembaga Pendaflaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit seorang dan wakil-wakil dari pihak industri masing-masing. Misi ini akan memakan masa selama lebih kurang 15 hari dan anggaran perbelanjaan yang terlibat ialah lebih kurang \$100,000.

Misi Teknikal dan Ekonomi, Getah dan Minyak Kelapa Sawit ke Korea Selatan, Jepun dan Republik Rakyat China dijangka akan membawa

banyak faedah kepada negara ini. Seminar-seminar teknikal akan diadakan di negara-negara yang akan dilawati bagi menerangkan mutu getah asli dan minyak kelapa sawit Malaysia kepada pengguna-pengguna dan pengimport-pengimport barangan tersebut. Walaupun eksport getah asli dan minyak kelapa sawit dan negara-negara berkenaan telah meningkat, namun potensi untuk terus melibatkan jumlah eksport bahan-bahan tersebut di pasaran berkenaan adalah baik terutamanya di Republik Rakyat China. Pihak Kementerian percaya bahawa seminar-seminar teknikal yang akan diadakan kelak akan memberi kesedaran serta akan dapat mempengaruhi cita rasa masyarakat di negara-negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa dengan penghantaran misi-misi galakan pasaran dan teknikal negara kita dapat mewujudkan dan memperbaharui serta mempereratkan hubungan dengan agensi-agensi, persatuan-persatuan, syarikat-syarikat dan orahg-orang perseorangan yang terlibat dalam industri berkenaan di negara-negara tersebut.

Di samping itu, adalah menjadi hasrat Kementerian Perusahaan Utama untuk menarik minat pelabur-petabur serta pengusaha-pengusaha di negara-negara yang akan dilawati supaya menyertai sama-sama dalam pembangunan industri-industri berasaskan getah dan minyak kelapa sawit di negara ini. Sebaliknya sekiranya langkah-langkah galakan pasaran tidak diambil bagi memperkukuhkan syer pasaran barangan utama Malaysia, kesan negatif yang mungkin dihadapi oleh negara-negara kita ialah dari segi kehilangan syer pasaran yang penting di negara-negara tersebut akibat persaingan yang semakin sengit dari negara-negara pengeluaran yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, biasanya rombongan perdagangan ini ke luar negeri ialah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Adakah tidak bercadang bersama-sama pegawai Kerajaan itu ialah terdiri daripada orang-orang business men, dengan izin, yang tidak terdiri daripada pegawai Kerajaan supaya mereka dapat bersama-sama mengambil perhatian dan pengalaman dalam perjalanan-perjalanan seperti ada pusat-pusat perdagangan di luar negeri, mereka dapat bersama-sama mengambil pengalaman. Jadi, corak ini adakah Kerajaan telah adakan untuk mencampurkan sama pegawai-pegawai Kerajaan dengan orang-orang business sendiri ini bersama-sama ataupun akan diadakan? Terima kasih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang di masa lepas banyak misi-misi yang dihantar ke luar negeri untuk mengembangkan pasaran bersama-sama kita mengambilkira, juga penyertaan daripada pihak-pihak swasta.

Sebagaimana saya sebutkan dalam jawapan saya tadi, saya katakan bahawa, "..... dan wakil-wakil" kalau boleh saya ulang "..... dan wakil-wakil dari pihak industri masing-masing", ertinya mereka yang berada dalam pihak swasta. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak masuk saya rasa masa lepas pun ada, tetapi di masa akan datang mungkin boleh dipertimbangkan lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang

Berhormat tadi, saya rasa negeri-negeri ini telah pun dilawati termasuk China sendiri telah ada misi yang dibuat oleh Perdana Menteri sendiri. Adakah misi ini adalah untuk tugas yang baru ataupun tugas yang khusus dan berapa misikah lagi yang akan dibuat ke negeri China, untuk memastikan kita lebih imbalan dagangan yang sewajarnya dan juga negeri-negeri yang lain.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, misi ini ada dua jenis, misi umum ertinya misi yang dihantar untuk menerangkan dasar kita dan menghubungkan kita dengan negara yang membeli. Yang satu saya sebutkan tadi, yang dipersoalkan ialah misi teknikal, misi teknikal ialah misi yang menjelaskan secara detail, secara saintifik akan bahan-bahan kita itu kepada pembeli-pembeli. Jadi, misi inilah kita bantarkan dan misi ini saya rasa untuk negeri China perlu, walaupun di masa lepas kita telah hantar, namun misi-misi itu ialah berupa umum, tetapi sekarang kita hantarkan yang teknikal, yang menjelaskan secara detail mengenai aspek-aspek barang-barang utama negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bukan terakhir.

Tuan R. Karpal Singh: Terakhir dalam senarai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada yang belum dijawab.

Tuan R. Karpal Singh: Dalam senarai, Tuan Speaker, terakhir. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Teruskan.

PERKATAAN KLING

18. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sanggup mengambil tindakan untuk menentukan bahawa perkataan "Kling" dimansuhkan dari Bahasa Malaysia memandangkan perkataan tersebut menghinakan warganegara Malaysia yang berasal dari India.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, perkataan "Kling" dalam pengkajian sejarah dan tamaddun berbahasa Melayu adalah satu perkataan yang mulia, mempunyai konsep falsafah yang tinggi yang membawa erti lambang penciptaan dan merujuk kepada suatu bangsa yang bertamaddun, "Kling" adalah ditujukan kepada bangsa yang asalnya dari benua Keling atau juga disebut dalam Sejarah Melayu, Hang Tuah dan catatan-catatan Melayu purba sebagai "Kalinga".

Namun demikian untuk mengelakkan dari perkataan "Kling" ini disalahertikan dan menyinggung perasaan kaum yang berkenaan, maka perkataan itu tidak wajar digunakan oleh sesiapa bagi maksud yang negatif dan menimbulkan kemarahan kaum yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Penanyaan No. 1, 3 dan 14 adalah diberi di bawah ini).

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

1. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah harga buku di bawah skim

pinjaman Buku Teks yang dibekal ke sekolah-sekolah Menengah:

- (a) dari Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (b) dari lain-lain penerbitan di Malaysia atau luar negeri; dan
- (c) mengapakah buku-buku teks dan buku kerja serta lain-lain penerbitan dari Dewan Bahasa dan Pustaka amat berkurangan digunakan di Sekolah-sekolah Menengah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Jumlah perbelanjaan di bawah Skim Pinjaman Buku mengikut pesanan pada tahun 1986 untuk sekolah-sekolah Menengah adalah seperti berikut:

- (a) dari penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah \$1,450,548.15;
- (b) dari lain-lain penerbitan di Malaysia ialah \$9,736,007.15;
- (c) Kementerian Pelajaran menggunakan sistem terbuka dalam pemilihan buku-buku teks untuk Sekolah Menengah. Pihak sekolah dibenarkan memilih buku yang diterbitkan oleh mana-mana penerbitan termasuk terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Walau bagaimanapun, buku-buku yang dipilih itu hendaklah dari satu senarai buku yang diperakukan oleh Biro Buku Teks, Kementerian Pelajaran. Dengan itu terserahkan kepada pihak sekolah untuk memilih dan menentukan buku-buku yang difikirkan sesuai untuk kegunaan mereka. Kementerian Pelajaran tidak menilai dan tidak raenyenaraikan buku-buku kerja. Buku-buku kerja ini

diterbitkan secara bersendirian oleh penerbit-penerbit, dan ibubapa membeli buku-buku ini secara bersendirian di pasaran terbuka.

DASAR PERTANIAN NEGARA— PELAKSANAAN

3. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan semenjak Dasar Pertanian Negara diluluskan sehingga hari ini, berapa peratuskah yang telah dilaksanakan, apakah hasil-hasil yang didapati tebih baik daripada sebelum Dasar Pertanian diadakan dan adakah apa-apa perkara yang berkaitan dengan Dasar Pertanian dalam masalah kejatuhan harga hasil-hasil pertanian.

Tuan Luhut Wan: Sejak Dasar Pertanian Negara (DPN) dilancarkan, semua program-program pembangunan pertanian yang dilaksanakan telah pun diselaraskan bagi memenuhi hasrat DPN. Walaupun begitu pelaksanaan yang menyeluruh hanya bermula dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Kesan-kesan awal pelaksanaan program-program projek di bawah DPN ini telah menunjukkan peningkatan hasil yang lebih tinggi, petani-petani lebih berdikari dan tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan dan di samping itu perancangan program-program adalah lebih teratur.

Berhubung dengan kejatuhan harga hasil-hasil pertanian sukatah dinyatakan bahawa DPN memanglah mengambilkira isu berkenaan di mana program-program menubuhkan saluran-saluran pemasaran, peningkatan kemudahan-kemudahan infrastruktur, penubuhan tempat-tempat simpanan dan pemerosesan

bahan-bahan pertanian bagi meningkatkan nilai ditambah (value-added) melalui penyelidikan telah dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, kejatuhan harga komoditi-komoditi eksport negara tidak dapat dikawal kerana ia bergantung kepada pasaran antarabangsa. Dalam hal ini Kementerian telah mengambil langkah-langkah supaya aktiviti sektor pertanian dipelbagaikan supaya tidak bergantung kepada hanya satu-satu komoditi sahaja dan ini adalah selaras dengan hasrat DPN.

LAMPU ISYARAT HAD LAJU

14. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah keberkesanannya berhubung penguatkuasaan alat lampu isyarat had laju yang dipasang pada lori-lori dan kenderaan berat. Mengapa tidak semua kenderaan berat seperti lori dan bas express, injinnya diubahsuai dan ditetapkan/dihadkan kelajuannya kepada 70 km/j.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Kaedah Kenderaan Motor (Pembawaan, Kelengkapan dan Penggunaan) (Alat Amaran Had Laju) 1985 telah mula berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1986. Penguatkuasa ini telah dihentikan buat sementara waktu semenjak 15 Februari 1986 oleh kerana sebab-sebab teknikal. Kajian khas sedang dibuat untuk mengatasi masalah teknikal tersebut. Mengenai had laju kenderaan berat ianya tidak boleh disatukan dan ditetapkan kepada 70 km/j oleh kerana had laju kenderaan tersebut adalah berlainan berdasarkan Berat Dengan Muatannya (BDM), di mana kenderaan yang lebih berat had lajunya dikurangkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kelapan*).

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 26 (Jadual)—

*Maksud P. 26 (Anggaran
Pembangunan 1987)—*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sepang boleh menyambung ucapan selama 8 minit.

4.06 ptg.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, pengwujudkan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah ini juga telah dan akan memberi peluang kenaikan pangkat kepada guru-guru. Tidak syak lagi dengan wujudnya Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah menampilkan suatu kemajuan dan kejayaan, walaupun Kementerian Pelajaran terpaksa berbelanja agak lebih. Oleh hal yang demikian, saya menyeru Kementerian Pelajaran agar terus mewujudkan Pejabat Pelajaran Daerah khususnya di mana daerah-daerah yang belum diwujudkan

Pejabat-pejabat Pelajaran terutama sekali dapat diberikan perhatian terutama kepada daerah Sepang.

Tuan Pengerusi, di dalam Butiran yang sama mengenai pelajaran rendah dan menengah, sukalah saya menyentuh sedikit mengenai penempatan guru-guru baik sekolah rendah mahupun menengah.

Saya tidak berapa tahu jumlah ataupun ramai bilangan guru-guru sekolah rendah dan menengah mengikut jantina. Apa yang menjadi rungutan Guru-guru Besar dan juga Pengetua khususnya dan PIBG-PIBG ialah penempatan guru-guru perempuan yang terlalu ramai di sekolah-sekolah. Ada sekolah-sekolah yang hanya ada seorang atau dua sahaja guru lelaki, kebanyakan keadaan ini berlaku di bandar, pekan dan sekolah-sekolah persekitaran dengan Institusi Pengajian Tinggi.

Saya tidak nafikan bahawa dengan ramainya bilangan guru-guru perempuan ditempatkan di sebuah sekolah itu akan merendahkan prestasi dan kejayaan. Saya juga tidak ada mempunyai kesangsian terhadap guru-guru wanita, tetapi yang saya utarakan hal ini kalau dapat difikirkan oleh Kementerian Pelajaran iaitu di dalam menempatkan guru-guru di sekolah rendah dan menengah biarlah ada perseimbangan jantainya.

Tuan Pengerusi, Butiran 00900 mengenai Asrama, muka surat 133. Langkah dan usaha Kementerian Pelajaran mewujudkan sekolah-sekolah berasrama penuh adalah amat dibanggakan sekali. Pemilihan dan penempatan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah berasrama adalah berdasarkan kepada keputusan peperiksaan penilaian Darjah V.

Kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana keputusan-keputusan peperiksaan bertambah baik, cemerlang dan memberangsangkan tahun demi tahun. Oleh yang

demikian, saya mencadangkan dengan keputusan yang baik, menggalakkan itu dapatlah kiranya Kementerian Pelajaran menempatkan lebih ramai dan melipatgandakan kemasukan petajar-pelajar ke sekolah-sekolah berasrama penuh khususnya pelajar-pelajar miskin dari luar bandar.

Saya menyedari masalah tempat dan kewangan dihadapi oleh Kementerian, nampaknya kecemerlangan dan kejayaan anak-anak luar bandar banyak ditentukan oleh faktor penempatan sekolah-sekolah yang baik dan berasrama penuh, tidak ketinggalan juga dari pelajar-pelajar yang datang dari sekolah yang ada asrama harian.

Di sini sukalah saya mencadangkan agar Kementerian Pelajaran membina lebih banyak lagi asrama penuh dan juga asrama-asrama harian di dalam keadaan Kerajaan menghadapi masalah kewangan, kemelesetan ekonomi ini, saya fikir Kementerian Pelajaran boleh meminta dan melibatkan pihak swasta membina asrama dengan secara penswastan.

Tuan Pengerusi, Butiran 03000, Program 030500 Penjbangunan dan Bekalan, muka surat 128.

Pada tahun 1986 bahagian ini memperolehi \$1,890,400 dan bertambah dan tidak berapa terjejas atau tidak berapa berkurangan pada tahun hadapan. Langkah Kementerian Pelajaran mengatasi kesesakan dan keperluan sekolah dengan melancarkan Program Pembangunan Kilat ala gotong-royong yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada pertengahan tahun ini adalah suatu langkah yang bijak, dengan projek khas ini benar-benar dapat meringankan masalah kesesakan dan berhimpit-himpit setengah-setengah sekolah.

Di sini saya sukalah mencadangkan agar Kementerian menerus dan memperbanyakkan lagi program pembinaan projek khas ala gotong-royong ini. Hanya saya syorkan bahawa peruntukan membina bangunan atau projek khas gotong-royong ini agak terlalu kecil dan jika boleh ditambah, sudah barang tentulah tidak membebankan Jawatankuasa Pembinaan PIBG dan mungkin termasuk juga Wakil-wakil Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai Butiran 01500, muka surat 133, Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya rasa Kementerian Pelajaran telah begitu bertolak ansur mengenai pengambilan pelajar. Dari dasar tolak ansur ini menampakkan seolah-olah sudah beri betis hendak peha dan hampir-hampir hendak pijak kepala. Saya syorkan kepada Kementerian mengkaji mengenai dasar tolak ansur pengambilan pelajar-pelajar. Sedarkah Kementerian semakin bertambah kemasukan mahasiswa-mahasiswa Cina di Universiti Kebangsaan semakin besar dan semakin ternyata polarisasi kaum. Di Universiti Kebangsaan Bangi sekarang sudah wujud ala-Cina town, dengan izin.

(Timbalan Yang di-Pertua *metn-pengerusikan Jawatankuasa*)

Mahasiswa-mahasiswa Cina tidak segan silu meninggalkan Kampus terutama sekali pada waktu makan tengah hari dan makan malam. Di suatu kawasan yang berhampiran dengan Universiti Kebangsaan telah ada tumbuh macam cendawan restoran-restoran dan kedai-kedai makan Cina. Di sinilah tempat tumpuan mahasiswa-mahasiswa Cina untuk mendapatkan dan mengambil makanan mereka. Yang menjadi pertanyaan masyarakat sekitar, Tuan Pengerusi, apakah tidak ada kantin

ataupun restoran di Kampus UKM itu makanan tidak secocok dan tidak menyelerakan atau sengaja hendak menunjuk-menunjuk semangat perkauman mahasiswa-mahasiswa tersebut. Universitilah atau lebih-lebih lagi Universiti Kebangsaan satu-satunya institusi pelajaran atau gedung ilmu yang akan memupuk serta melahirkan satu bangsa Malaysia yang harmoni, bersatu padu dan akhirnya menjadi contoh tauladan kepada masyarakat kaum.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang: Tuan Pengerusi, inilah yang saya katakan tadi, sudah diberi betis hendak peha dan sekarang hendak pijak kepala, ini sudah melampau. Hal ini tidak boleh dibiarkan oleh khususnya Yang Berhormat Menteri. Saya syorkan agar Yang Berhormat Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri Petajaran, jika boleh bawa sekali rakan-rakan Yang Berhormat dari Pembangkang khususnya DAP melihat tempat-tempat ini. Mereka boleh makan apa sahaja dan di mana sahaja, Tuan Pengerusi, tetapi falsafah makan yang kita tahu ada dua iaitu satu, hidup hendak makan dan kedua, makan hendak hidup. Ramai yang percaya berfalsafah hidup hendak makan. Kalau kita tanya Ahli Yang Berhormat dari Rasah tentu dia pun menjawab, hidup hendak makan, Tuan Pengerusi. Kita bayangkanlah kalau makan pun tidak boleh bersama di dalam kampus

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup, sudah lebih. Minta gulung.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagaimana hidup hendak bersama. Yang Berhormat Menteri Pelajaran

mesti bertindak tegas, menggesa dan menasihatkan mereka agar pelajar dapat menyesuaikan diri bukan sahaja di dalam kampus dan kita harap akan keluar nanti menjadt rakyat yang berguna di dalam negara kita dan bukan hanya pandai bercakap dan akan menjadi jagoh pembakar semangat perkauman semata-mata.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah. Yang Berhormat dari Kok Lanas.

4.15ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas):Tuan Speaker, terima kasih. Saya merujuk kepada perbelanjaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Butiran (Projek) 02200, muka surat B.26, muka surat 134 dalam buku Belanjawan Persekutuan 1987, Anggaran Perbelanjaan 1987.

Di Malaysia, masa kini banyak pihak tidak berapa sedar tentang persoalan dasar bahasa. Wajar mereka diingatkan kembali agar langkah-langkah yang sesuai dirancang dan pihak-pihak yang menyeleweng disedarkan. Kita haruslah menggunakan Bahasa Malaysia dengan cekap dan berkesan sesuai dengan tarafnya sebagai Bahasa Kebangsaan negara. Menggunakannya sebagai bahasa pengantar berjaya iaitu sebagai bahasa ilmu dan bahasa moden setanding dengan bahasa-bahasa moden tain di dunia ini seperti bahasa Inggeris, Perancis, Jerman dan lain-lain lagi. Kita juga harus menggunakan bahasa Inggeris dengan baik terutama oleh golongan-golongan yang tertentu iaitu cerdik pandai yang melanjutkan pelajaran mereka yang melibatkan diri dalam sektor swasta terutama pada tahap eksekutif dan dalam bidang perniagaan antarabangsa, mereka yang mewakili Malaysia di dunia dan antarabangsa terutama pegawai Kedutaan dan Bahagian Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Speaker, penggunaan Bahasa Malaysia oleh sebahagian besar rakyat Malaysia amat lemah iaitu masih terdapat kesalahan-kesalahan yang tidak seharusnya terdapat pada sesuatu Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang telah sekian lama digunakan. Terdapat kesalahan-kesalahan ejaan, sebutan dan nahu yang menjolok mata yang menjadi bahan tertawa orang yang tahu. Bahasa Malaysia masih belum sempurna sebagai bahasa ilmu. Buku teks belum mencukupi, peristilahan tidak selaras, ramai guru dan pensyarah tidak menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik, menuturkan sebagai "bahasa rojak" sahaja. Walaupun secara amnya Bahasa Malaysia sudah digunakan oleh rakyat, namun taraf penggunaannya cukup makan sahaja, yakni boleh difahami tetapi tanpa apa-apa unsur keindahan dan membayangkan seolah-olahnya Bahasa Malaysia miskin dan tidak berupaya.

Begitu juga dengan penggunaan bahasa Inggeris. Ini juga amat mengecewakan dipandang dari dasar pendidikan negara yang memberi pengajaran mata kuliah bahasa Inggeris selama 11 tahun. Ada yang tidak tahu bahasa Inggeris, suatu perkara yang sukar difahami. Ada yang tidak mahu bercakap atau belajar bahasa Inggeris yang melihat penggunaan bahasa Inggeris sebagai satu jenis penjajahan. Ada yang penggunaan bahasa Inggerisnya amat lemah sehingga memalukan dan menjadi bahan jenaka orang yang tahu. Ada satu pepatah Melayu, bahasa menunjukkan bangsa, maju bahasa maju bangsa. Tuan Speaker, oleh itu persoalan bahasa mesti dihadapi dan diselesaikan

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat, "Tuan Pengerusi" dalam Jawatankuasa.

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, oleh itu persoalan bahasa mesti dihadapi dan diselesaikan. Ada pihak yang menganggap persoalan bahasa sudah selesai dan tidak perlu dibangkitkan lagi dan ada pula pihak yang sentiasa mencari peluang untuk membangkitkan soal-soal lama merombak keputusan-keputusan yang telah dibuat dahulu oleh pejuang kemerdekaan. Persoalan bahasa di negara ini adalah persoalan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Biar saya bincangkan satu persatu bermula dengan Bahasa Kebangsaan kita iaitu Bahasa Malaysia. Penggunaan Bahasa Malaysia perlu dihidupkan menjadikannya bahasa yang segar, cekap, subur seperti keadaannya pada zaman kegemilangannya dahulu. Pada waktu itu Bahasa Melayu menjadi bahasa budaya tinggi dan dihormati oleh penduduk di daerah ini dan juga orang-orang Eropah.

Di samping itu, Bahasa Malaysia perlu dimodenkan selaras dengan kemajuan-kemajuan abad ke 20 untuk menjadikannya selaras dengan bahasa-bahasa moden yang lain iaitu sebagai bahasa ilmu kedoktoran, ilmu ekonomi moden, ilmu diplomasi, sains, teknologi dan lain-lain lagi.

Tiap-tiap bahasa mempunyai badan pembinaannya. Di Malaysia badannya ialah Dewan Bahasa dan Pustaka. Usianya sudah 30 tahun dibentuk atas desakan rakyat supaya Bahasa Kebangsaan diperkembangkan secara teratur. Dewan Bahasa dan Pustaka telah direstui oleh Kerajaan dengan peruntukan wang yang lumayan dan kalau perlu kita peruntukan wang yang lebih lagi kepadanya tetapi saya berpendapat peruntukannya sudah melebihi. Beberapa persoalan berhubung dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya bertanya, adakah rakyat puas hati dengan prestasi Dewan Bahasa dan Pustaka? Adakah

sumbangannya setimpal dengan usia dan perbelanjaan yang telah diberikan kepadanya? Adakah kita berpuas hati dengan pencapaian Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang-bidang pembinaan bahasa seperti peristilahan, penghasilan bukan pengajian tinggi dan perkamusan? Apa lagi Dewan Bahasa dan Pustaka belumpun mula mengadakan encyclopaedia. Dewan Bahasa dan Pustaka kelihatan memikul tugas yang terlalu berat, antaranya pembinaan bahasa, penerbit, pencetak, pengedar, penterjemah dan sebagainya. Mungkinkah ini terlalu berat untuk dipikul oleh satu institusi. Bukankah sudah sampai masanya kita meninjau kembali tugas dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka ini?

Tuan Pengerusi, apakah yang dibuat oleh golongan cerdik-pandai kita tentang masalah bahasa? Di Great Britain terdapat golongan cerdik-pandai yang memainkan peranan penting dalam bahasa mereka. Menjadi kumpulan contoh atau penteladan, dengan izin., the lead group, dari segi penggunaan bahasa yang baik maka wujudlah Oxbridge English yang juga dikenal dengan the Queen's English ataupun BBC English. Bukan Back-benchers English.

Bagaimanapun halnya di negara kita ini adalah kumpulan cerdik-pandai kita menjadi kumpulan contoh, adakah golongan elit kita berperanan seperti golongan elit di negara-negara lain? Di manakah di negara ini umpamanya pusat pengajian yang boleh dianggap sebagai Pusat Bahasa Malaysia? Sewaktu saya muda-muda dahulu, saya dirujuk kepada Universiti London dan Universiti Leiden. Adakah kita masih memandang ke sana untuk merujuk tentang Bahasa Kebangsaan kita. Saya kira perkara ini perlu dibincangkan agar Bahasa Kebangsaan kita berdiri tegap dengan maruahnyanya yang tinggi.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun minta penjelasan, boleh beri?

Dato' Abdullah Ahmad: Masa tidak ada, maaf.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Dand): Tidak payahlah.

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, bahasa Inggeris diajarkan sebagai bahasa kedua pentingnya dalam sistem persekolahan kita, hendaklah dasar ini dijayakan kerana kita mahu menghasilkan rakyat yang benar-benar dapat memanaifikan ilmu pengetahuan. Mengenai Bahasa Inggeris tidak bererti menjadi orang Inggeris. Bahasa Inggeris adalah semata-mata sebagai alat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan untuk berhubung dengan dunia luar. Oleh itu, sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris hendaklah ditinjau kembali untuk menghasilkan kanak-kanak yang pandai menggunakan bahasa Inggeris di samping Bahasa Kebangsaan.

Usaha-usaha hendaklah dicari untuk meningkatkan penguasaan bahasa di sekolah-sekolah. Sikap terhadap bahasa Inggeris mesti diubah, melihat kepada satu bahasa sebagai satu asset dan tidak sebagai satu bebanan dan tidak juga sebagai persaingan kepada Bahasa Kebangsaan.

Saya harap ramai rakyat Malaysia dapat menguasai bukan sahaja bahasa Inggeris dengan baik tetapi juga bahasa Jepun, Arab, Mandarin, German dan Perancis dan lain-lain lagi. Paling kurang bagi setiap orang Malaysia ialah selain daripada Bahasa Kebangsaan, kita juga harus pandai dengan fasih bahasa Inggeris ditambah dengan satu lagi antara 6 Bahasa Arab, Mandarin, Tamil, Jepun, Perancis atau German. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

Dato' Abdullah Ahmad: Satu minit sahaja untuk gulung.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh gulung.

Dato' Abdullah Ahmad: Saya cadangkan kepada para pemimpin negara, tidak kira politik, kemasyarakatan atau golongan guru, tunjukkan taraf keupayaan berbahasa dengan baik sama ada dalam Bahasa Kebangsaan mahupun bahasa Inggeris. Yang penting gunakanlah bahasa mengikut keadaan yang sesuai, yang patut Bahasa Kebangsaan, jangan dicampur adukkan dengan bahasa Inggeris. Tuan Pengerusi:

Tingkap papan daun bersegi,
Sampan sarat Pulau Angsa,
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.28 ptg.

Tuan Haji Ahdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.26 muka surat 127 Butiran 010000 Butiran Kecil 010300 berhubung dengan Pelajaran Rendah.

Saya mencadangkan supaya sistem KBSR dikaji semula dan mata pelajaran muzik dan tarian dan nyanyian ditiadakan kerana dari segi hukum agama Islam, mata pelajaran itu tidak dibenarkan. Bagaimanapun lagu yang dialunkan dalam bentuk nasyid yang tidak diiringi oleh muzik tidak dilarang.

Saya percaya kesan dari mempelajari muzik dan tarian ini boleh mengakibatkan masyarakat yang lebih hebat dari peminat pop dan

rock. Dalam suasana kanak-kanak yang tidak diasuh dengan muzik dan tarian bila mereka remaja, mereka dirasuk geng (gang) rock. Mereka dikenalkan dengan muzik dan tarian di luar sekolah dan ramai pula dari mereka tidak pernah menyertai kelas muzik dan tarian secara formal tetapi bila ada pesta rock lalu mereka lupa diri mereka dan lupa daratan.

Kebimbangan saya ialah bila setiap kanak-kanak diperkenalkan dengan muzik dan tarian sejak kecil, mereka akan menjadi orang yang sehati dengan kehidupan itu dan tidak dapat dielakkan ia akan meruntuhkan tamadun kebudayaan dan agama Islam itu sendiri. Kita lihat masyarakat di barat yang pandai kini berhadapan dengan keruntuhan moral dan kebudayaan barat itu sendiri sudah musnah, antara yang menjadi demikian ialah masyarakat itu tidak boleh hidup tanpa muzik dan tarian. Muzik dan tarian adalah perkara yang boleh melalaikan manusia runsing, boleh melupakan masalah, tetapi cara orang Islam melupakan runsing dan masalah ialah dengan cara menyerahkan diri kepada Allah.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Butiran kecil 010500 di mukasurat yang sama, iaitu mengenai Pelajaran Khas. Saya tertarik hati dengan satu rencana TV mengenai pelajaran sekolah pekak dan bisu yang dijalankan di Cheras. Nampaknya kegiatan sekolah ini telah memberi peluang kepada kanak-kanak cacat itu mendapat ilmu pengetahuan melalui kaedah yang diperkenalkan itu. Tetapi masalah yang saya dapat faham dari rencana itu ialah kaedah yang digunakan tidak sama bagi semua institusi yang mengendalikan sekolah demikian di negara ini.

Satu lagi kesulitan ialah cara mana kaedah tadi hendak digunakan bagi mengenalkan pelajaran agama Islam dan membaca Quran serta mempelajari bacaan dalam ibadat

sembahyang disebabkan oleh orang Islam belum terlibat dalam kegiatan serupa itu.

Saya gembira dan berterima kasih kepada sumbangan seorang pendidik keturunan Tionghua yang memperkenalkan kaedah "utal" di sekolah tersebut tadi dan beliau sendiri cuba membantu supaya khidmatnya dapat menampung khidmat mempelajari agama Islam, tetapi kerana beliau sendiri adalah orang Tionghua, agak sukar untuk menyempurnakannya walaupun beliau sudah ada sumbangannya. Cadangan saya ialah supaya Kementerian Pelajaran memberikan tumpuan supaya khidmat sekolah ini diperluaskan dan masalah yang dihadapi oleh sekolah dan kanak-kanak cacat itu terbela dan dapat hidup seperti rakyat lain.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak menyentuh perkara Pengurusan Pelajaran Agama di bawah Butiran kecil 010600. Tujuan Bahagian ini ialah untuk menentukan bahawa pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah adalah selaras dengan objektif Kementerian dan prinsip Islam. Tuan Pengerusi, persoalannya apakah objektif Kementerian ini? Setakat ini terdapat objektif yang agak luas, iaitu untuk mendidik rakyat bagi menjadi orang yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi memenuhi kehendak negara. Panduan besar ialah Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara.

Saya kira objektif Kementerian ini biarlah melingkungi cita-cita mencalonkan setiap kanak-kanak Islam masuk sekolah rendah bagi menjadi ulama. Apakah mereka boleh menjadi ulama kemudiannya adalah satu hal yang lain, tetapi wajar ada perancangan supaya setiap kanak-kanak yang melangkah ke sekolah di bawah Kementerian ini berpeluang untuk menjadi calon ulama. Adalah menjadi cita-cita setiap ibubapa

Muslim di bawah alunan perubahan dan kebangkitan Islam ini ingin setiap anak menjadi ulama, tetapi Kementerian ini tidak menyediakan objektif tadi. Justeru itu, ibubapa mula memikirkan satu sistem pendidikan di luar Kementerian Pelajaran dan masalahnya banyak pula yang memerlukan perbelanjaan yang besar dan guru-guru pula agak terhad serta banyak kekurangannya. Tetapi kalau Kementerian tidak bersedia untuk memikirkannya, maka ibubapa akan kecewa dengan Kementerian ini.

Jawapan yang mengatakan bahawa Kementerian tidak ada kemampuan dan sebagainya adalah satu dalih, tetapi hendak ditanya apakah Kementerian ingin mengeluarkan ramai ulama dan ulama itu janganlah dihadkan kepada mereka yang duduk di surau-surau semata-mata. Ulama yang hendak dilahirkan ialah ulama yang mempunyai pengetahuan perubatan, kejuruteraan, ulama yang tahu masalah komputer.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada mukasurat 128, Butiran 030000, Butiran kecil 030200 berhubung dengan Pentadbiran Pelajaran di Negeri-negeri. Bahagian ini saya kira banyak digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menguatkan UMNO melalui apa cara yang boleh dalam musim pilihanraya yang digunakan untuk menyusun program kemen para Menteri, khususnya orang-orang besar dari Kementerian Pelajaran. Masa inilah kantin sekolah dirasmikan, pada hal ia tidak perlu dirasmikan. Guru-guru yang menjadi ahli UMNO dan menyokong Kerajaan diberi kelonggaran untuk membuat kerja di luar sekolah. Kadang-kadang Guru Besar yang tidak berpolitik takut kepada Guru Penolong kerana guru itu orang kuat UMNO. Dalam musim pilihanraya, guru-guru itu lebih banyak kerja kempen dari kerja sekolah. Kakitangan Kementerian di

Negeri dan Daerah menyusun banyak kegiatan kursus dan sebagainya pada masa kempen. Mana-mana guru yang terlibat dengan Pembangkang terpilih untuk menjalani sesuatu kegiatan di luar kawasan semasa kempen. Dalam masa pilihanraya yang lalu, ada Pegawai Pelajaran Daerah memanggil kursus untuk guru-guru dan dalam kursus itu guru-guru diingatkan supaya menyokong Kerajaan dan kemudian calon Barisan diminta hadir dalam kursus itu.

Saya minta Menteri Pelajaran menafikan bahawa ada sebelum ini ugutan dikenakan kepada guru-guru UMNO yang tidak mahu menyokong calon Barisan di kawasan itu. Ugutan itu ialah guru-guru itu akan ditukarkan jauh sekiranya calon Barisan kalah. Guru-guru tadi tidak ada pilihan, lalu menurutnya sahaja. Demikianlah Bahagian ini telah digunakan

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan boleh beri?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tak dapat. (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Tak dapat beri? Sama Kelantan ini.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Balik Kelantan. (*Ketawa*) digunakan oleh pemimpin-pemimpin negara untuk menjadi sarang UMNO dan Menteri Pelajaran yang ditukarkan ke Kementerian Pertahanan misalnya, samalah seperti turun pangkat. Guru-guru yang giat dalam Pembangkang, seperti PAS misalnya, telah ditukarkan ke tempat yang jauh dan ramai dari mereka

terpaksa meninggalkan keluar. Sebelum ini guru-guru menyertai ABIM pun ramai ditukarkan. Antara guru-guru yang ditukarkan itu ada yang menerima notis dalam masa 24 jam, kesalahannya tidak lain, ialah kerana menyertai Parti Pembangkang. Saya berharap Menteri Pelajaran dapat membetulkan salahguna kuasa yang telah dilakukan sebelum ini dan kalau Menteri yang ada ini ada melakukan hal yang sama, eloklah jangan meneruskan perbuatan curang itu.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada mukasurat 129, Butiran 03000. Butiran kecil 030900 Bantuan kepada Badan-badan Pelajaran dan lain-lain. Satu dari badan yang menerima bantuan itu seperti yang dicatatkan di bawah Kod/Objek (v) ialah Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat. Adalah wajar bantuan diberikan kepadanya kerana dari segi sejarah, ia banyak membantu memajukan pelajaran di negara ini. Sebelum Kementerian mempunyai sekolah yang cukup di Kelantan dan lain-lain negeri sebelum merdeka, maka sekolah inilah yang mengenalkan pelajaran kepada rakyat. Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini berjalan terus-menerus hingga hari ini dan jasa besarnya ialah menampung murid-murid yang cicir dari sekolah Kerajaan. Ramai dari mereka telah menjadi rakyat yang berguna dan antaranya ada yang mendapat kejayaan yang lebih baik dari sekolah-sekolah Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan wajar memberikan bantuan tanpa syarat.

Di masa-masa lalu bantuan yang diberikan oleh Kerajaan bukan atas sebab-sebab sekolah ini menyumbangkan objektif Kementerian Pelajaran dalam memajukan sekolah, tetapi bantuan itu dibuat bagi mengelakkan sekolah itu menjadi kubu atau tempat ustaz-ustaz yang menyokong PAS. Bila sekolah itu diberi bantuan, maka

antara guru-guru PAS dibuang dan diganti dengan ustaz UMNO dan banyak dari sekolah itu mati begitu sahaja. Inilah sebab ada antara sekolah tadi enggan menerima bantuan. Dasar seperti ini

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: patut dihentikan kerana

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak beri atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau Tuan Pengerusi hendak beri masa, boleh. Kalau tidak, tak berilah.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, beri sedikitlah. Ada yang hendak bertanya sangat itu. Hendak apa Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Safin: Hendak minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri?

Tuan Hashim bin Safin: Dua kali sudah ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ha, dia beri, boleh! (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi mengatakan bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat adalah diberi kepada sekolah-sekolah yang hanya menyokong UMNO ataupun digantikan dengan guru-guru/ustaz yang menyokong UMNO. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa semasa pemerintahan PAS, tanpa bantuan ini beratus-ratus Sekolah Agama Rakyat ini mati, cuma tinggal 95 sahaja yang

ada setelah Barisan Nasional memerintah Kelantan. Minta penjelasan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak kata, Tuan Pengerusi, itu pusingan soalan sahaja. (*Ketawa*) Saya sambung, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Inilah sebab ada antara sekolah tadi enggan menerima bantuan. Dasar seperti ini patut dihentikan kerana ia antara yang menyebabkan isu perpecahan ummah berlaku.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada muka surat 130, Butiran 060000, Program 060300 mengenai pemberian peruntukan kepada Pelajaran Tinggi. Bahagian ini melibatkan masalah di universiti. Masa sudah tiba bagi Kementerian ini membatalkan Akta Universiti dan Kolej-kolej kerana ia tidak memberikan kebaikan pada jangka panjang negara ini.

Objektif mengadakan universiti ialah untuk mewujudkan rakyat yang boleh menjadi pemimpin yang baik. Ini memerlukan berbagai-bagai pendedahan kepada mahasiswa. Kalau siswa kita dilatih seperti melatih murid-murid sekolah, maka lulusannya nanti tidak mampu menjadi warganegara yang mampu berlumba dan bersaing dengan lulusan universiti di negara lain. Akhirnya pemimpin dan pegawai negara ini menjadi mangsa orang luar atau ditipu oleh orang, seperti yang berlaku dalam pengendalian perdagangan bijih dengan orang England.

Lagipun janji dan per j uangan Menteri Pelajaran yang ada sebelum menjadi Ahli UMNO dahulu ialah untuk menghapuskan Akta ini. Kerana marahkan Akta ini beliau

merengkok 18 bulan di Tahanan Kemunting dan kerana menentang Akta inilah ramai dari rakan-rakan Menteri Pelajaran itu menghadapi tindakan.

Tuan Pengerusi, saya sambung lagi

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada seminit lagi Yang Berhormat. Saya beri seminit.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:..... di bawah Butiran yang sama juga, saya hendak menyentuh soal Universiti Islam Antarabangsa.

Universiti ini adalah wajar memberikan perhatian untuk menggunakan bahasa Arab sepenuhnya kerana Universiti ini tujuan dan strateginya adalah Islam, maka lulusannya diharapkan menjadi cendekiawan Islam. Apakah mereka bertaraf ulamak akan menjadi perhatian, tetapi soal cendekiawan Islam harus mampu memenuhi ilmu melalui bahasa Arab. Mungkin dalam peringkat awal bahasa Arab ini tidak mampu untuk digunakan, tetapi ia mestilah diarahkan kepada penggunaan bahasa Arab yang sepenuhnya di samping menguasai penggunaan bahasa lain yang diperlukan oleh negara ini dan antarabangsa.

Saya kira itulah sahaja perkara-perkara yang dapat saya sentuh pada petang ini, Tuan Pengerusi. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bakri.

4,43 ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.26, muka surat 132, Butiran 00100—Pelajaran Rendah, Butiran 00200—Pelajaran Menengah dan Butiran 00700—Latihan Guru serentak.

Tuan Pengerusi, Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan kita. Ia merupakan bahasa penghantar di sekolah-sekolah dan universiti-universiti dan juga digunakan oleh Kerajaan dan semakin banyak oleh sektor swasta. Bahasa Malaysia merupakan alat yang paling utama dalam menyatupadukan rakyat kita. Matlamat Kerajaan adalah untuk mewujudkan suatu masyarakat yang fasih dalam Bahasa Malaysia. Matlamat ini akan dapat menyumbang kepada perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, malangnya 29 tahun selepas mencapai kemerdekaan, sebahagian besar rakyat khususnya rakyat keturunan Cina dan India masih belum fasih dalam Bahasa Malaysia. Ini merupakan satu halangan besar kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian, halangan ini mesti diatasi, khususnya di kalangan pelajar-pelajar kita.

Di kalangan masyarakat Cina, asal-usul kelemahan penggunaan Bahasa Malaysia wujud di dalam sistem persekolahan SRJK(C) atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Sebahagian besar, iaitu 87% anak-anak mereka dihantar ke Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau (SRJK(C)),

Satu kajian yang melibatkan 58 buah SRJK(C) di kawasan saya iaitu di daerah Muar telah dikendalikan. Kajian ini telah dijalankan selama lapan tahun iaitu dari tahun 1978 ke tahun 1985. Hasil kajian ini, kadar kelulusan tahunan bagi matapelajaran Bahasa Malaysia :dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V hanya sebanyak 11% hingga 1% sahaja.

Tuan Pengerusi, saya percaya jika Kemenlerian Pelajaran telah mengumpul statistik mengenai kadar kelulusan Bahasa Malaysia bagi SRJK(C) untuk keseluruhan negara keputusan-keputusan yang mungkin

didapati tidak akan jauh berbeza daripada hasil kajian dari daerah Muar. Saya difahamkan bahawa keadaan yang serupa wujud di kalangan SRJK(T) atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Ini telah menyebabkan kadar kegagalan yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar tersebut.

Kedudukan SRJK(C) di Kampung Baru adalah lebih teruk. Saya pernah menyatakan di Dewan ini bahawa untuk setiap 100 pelajar SRJK(C) dari Kampung-kampung Baru yang memasuki Tingkatan Peralihan Satu, 50% daripada mereka berhenti sekolah sebelum peperiksaan SRP. Dari jumlah 100 pelajar itu hanya 24% meneruskan pelajaran ke Tingkatan IV, 8% yang melanjutkan pelajaran ke tahap pra-universiti, sementara kurang dari 2% memasuki universiti. Masalah utama kadar berhenti sekolah atau drop out rate, dengan izin, adalah kerana pelajar-pelajar ini tidak dapat mengikuti pelajaran atas sebab kurang kefasihan dalam Bahasa Malaysia. Akibat terus dari ini ialah kejatuhan mutu gunatenaga terlatih yang amat diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi dan proses perindustrian negara. Ini merupakan satu masalah yang serius dan patut dianggap sebagai masalah negara oleh Kerajaan.

Untuk mengatasi masalah ini, saya menyeru semua rakyat Malaysia keturunan Cina dan India supaya lebih mementingkan pelajaran Bahasa Malaysia. Guru-guru Besar dan guru-guru SRJK(C) dan SRJK(T) mesti memberi perhatian dalam meningkatkan mutu Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah mereka. Mereka mesti bertanggungjawab terhadap anak-anak di bawah jagaan mereka. Ini adalah untuk memastikan yang sebilangan besar murid-murid mereka akan fasih dalam Bahasa Malaysia demi melanjutkan pelajaran mereka ke tahap menengah dan terus kepada pengajian tinggi.

Tuan Pengerusi, saya juga menyeru Kerajaan dan Kementerian Pelajaran untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan demi mengatasi masalah ini. Jawatankuasa ini harus dianggotai oleh wakil-wakil dari setiap komuniti. Tugas jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji masalah-masalah dan mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi.

Tuan Pengerusi, matlamat utama Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah perpaduan negara. Saya percaya jika masyarakat Cina dan India fasih dalam Bahasa Malaysia ia akan dapat mengurangkan polarisasi kaum. Misalnya dari pemerhatian saya halangan utama bagi murid-murid Cina yang berasal dari SRJK(C) untuk berintegrasi dengan murid-murid Melayu adalah kesukaran murid-murid ini untuk berkomunikasi di antara satu sama lain.

Saya ada dua cadangan kepada Kementerian Pelajaran dan Jawatankuasa Kebangsaan jika ia ditubuhkan:

- (1) Adalah didapati sebahagian besar guru-guru yang dihantar untuk mengajar Bahasa Malaysia di SRJK (C) dan (T) merupakan guru-guru yang dianggap "dispensable", dengan izin, oleh Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Ini telah mengakibatkan penurunan mutu pengajian Bahasa Malaysia di SRJK (C) dan (T). Saya mencadangkan supaya guru-guru Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi dihantar ke SRJK (C) dan (T). Guru-guru ini mesti difahamkan yang tugas mereka amat penting dalam meningkatkan mutu Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid bukan Melayu dan ini akan dapat menyumbang kepada perpaduan negara.

(2) Guru-guru Melayu dilatih untuk mengajar Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama, bukan sebagai bahasa kedua. Ini menyebabkan guru-guru ini kurang berkesan di dalam mengajar Bahasa Malaysia kepada murid-murid SRJK (C). Bahasa utama kepada murid-murid SRJK (C) ialah bahasa Tionghua dan dengan itu mereka berfikir dalam bahasa Tionghua. Oleh yang demikian, seorang guru Bahasa Malaysia akan menjadi tebih berkesan jika ia dilatih untuk mengajar Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Saya tidak tahu sama ada latihan ini dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran. Kalau tidak, saya menyeru Kementerian Pelajaran melatih guru-guru yang fasih dalam bahasa Tionghua dan yang mempunyai Kredit dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM sebagai guru Bahasa Malaysia yang akan mengajar ia sebagai bahasa kedua. Latihan ini sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dalam melatih guru-guru bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, iaitu TESL, atau Teaching of English as a Second Language, dengan izin. Kursus-kursus TESL sedang dijalankan di negara ini dan di luar negara.

Saya berharap saranan-saranan dan cadangan-cadangan ini akan dipertimbangkan secara serius oleh Kerajaan. "Bahasa Jiwa Bangsa".

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor, selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Sila Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

4.25 *ptg.*

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.26, Butiran 010300—Pelajaran Rendah.

Tuan Pengerusi, saya dapat tahu ada dua jenis sekolah-sekolah rendah di dalam negara kita, iaitu Sekolah-sekolah Bantuan Penuh dan juga Sekolah-sekolah Bantuan Modal. Kita terdapat satu anomali di dalam Sekolah-sekolah Bantuan Modal di mana kita terdapat begitu kurangnya kemudahan-kemudahan asas dan juga mutu pelajaran di dalam Sekolah-sekolah Bantuan Modal ini. Saya ingin memohon kepada Kementerian berkenaan untuk mengkaji dengan sepenuh-penuhnya bagaimana kita boleh menaikkan mutu pelajaran dan juga kemudahan-kemudahan asas kepada Sekolah-sekolah Rendah Bantuan Modal ini.

Saya dapat tahu adalah menjadi satu masalah iaitu tapak tanah Sekolah-sekolah Bantuan Modal ini adalah tanah persendirian. Saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk mengambilalih tanah itu dan untuk menukar Sekolah-sekolah Bantuan Modal kepada Sekolah-sekolah Bantuan Penuh dengan semua kemudahan asas seperti air, api dan juga perguruan yang tinggi oleh kerana kita dapat tahu sebahagian besar guru-guru yang diadakan di dalam Sekolah-sekolah Bantuan Modal ini tidak mendapat mutu pegajaran yang tinggi.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada mukasurat 129, Butiran 040300—Asrama. Saya dapat tahu ada 28 buah sekolah berasrama penuh di dalam negara kita di mana kita terdapat kurang daripada 1% ialah murid-murid daripada kaum. bukan bumiputera. Saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk mengkaji, walaupun kita memahami dengan sepenuhnya dasar Kerajaan

masa kini, tetapi pada masa akan datang saya rasa untuk meningkatkan perpaduan di dalam negara kita dan juga untuk menyatupadukan murid-murid di dalam negara kita untuk menaikkan peratusan yang akan diambil di dalam asrama-asrama penuh untuk memberi lebih peruntukan kepada kaum bukan bumiputera, khasnya daripada sekolah-sekolah di luar bandar di mana kita boleh dapati ada beberapa banyak sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak dapat peluang untuk memasukkan murid-muridnya di dalam asrama penuh ini.

Seterusnya saya merujuk kepada mukasurat 130, Butiran 060000—Pelajaran Tinggi. Baru-baru ini saya terdengar daripada rakan saya, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas di mana beliau telah menyentuh di atas kepentingan bahasa Inggeris di dalam pelajaran tinggi di dalam negara kita.

Saya ingin merujuk kepada cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, juga kawan baik saya iaitu Encik Mohd. Sopiee, di mana mereka telah menyentuh pelajaran tinggi di dalam negara kita telah sampai ke satu peringkat di mana mutunya telah pun dikurangkan. Oleh itu, saya ingin memohon kepada Kerajaan kita untuk mengkaji sepenuhnya sebagaimana kita boleh menaikkan mutu pelajaran di dalam pelajaran tinggi dari segi bahasa Inggeris, khasnya dari segi pelajaran sains, doktor dan juga kejuruteraan di mana kita terdapat mutu murid-murid yang keluar daripada universiti-universiti kita dan juga institusi-institusi tertinggi sedang dalam satu keadaan yang boleh disoalkan oleh pihak-pihak yang menggunakan graduan-graduan tersebut.

Oleh itu saya ingin memohon kepada Yang Berhormat berkenaan untuk mengkaji cadangan daripada

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan juga daripada Encik Mohd. Sopiee di bawah mana kita boleh memberi lebih perhatian kepada bahasa Inggeris di dalam pelajaran sains dan teknologi. Dengan dasar Kerajaan untuk menukar negara kita sebagai satu negara dengan pengalaman di sektor teknologinya di bawah mana kita memerlukan seberapa banyak orang-orang kejuruteraan, sains dan juga doktor-doktor, kita harus mengkaji dengan sepenuhnya sebagaimana kita boleh menaikkan mutu pelajaran di dalam bahasa Inggeris dan juga untuk menaikkan mutu graduan-graduan yang dikeluarkan daripada institusi-institusi tertinggi.

Saya rasa itulah sahaja yang ingin saya sentuh di sini. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran untuk menjawab.

4.57 *ptg.*

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa pada petang semalam dan juga pada petang ini serta mengemukakan cadangan-cadangan, ulasan-ulasan dan teguran-teguran untuk memperbaiki perkhidmatan pelajaran di negara kita ini.

Saya pasti Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat cadangan-cadangan itu berhasrat benar-benar untuk sama-sama memperbaiki dan mempertingkatkan mutu pelajaran di negara kita supaya

dapat kita melahirkan generasi yang akan datang yang bertanggungjawab bagi memimpin negara kita ini.

Tuan Pengerusi, izinkanlah saya memberi sedikit ulasan dan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan berkaitan dengan Program dan Aktiviti Kementerian Pelajaran. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mengesyorkan supaya Institut Teknologi MARA dinaikkan tarafnya kepada sebuah universiti bagi menampung pertambahan pelajar yang kian meningkat tiap-tiap tahun dan juga untuk menyelamatkan pengaliran wang ke luar negeri. Di samping itu juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah juga mencadangkan supaya cawangan-cawangan kampus ITM dibina lebih banyak lagi dengan segera untuk menampung calon-calon yang bertambah. Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pelajaran belum ada lagi mempunyai rancangan untuk menaikkan taraf ITM ke peringkat universiti. Kita masih memerlukan graduan-graduan peringkat Diploma seperti yang dikeluarkan oleh ITM dengan lebih ramai lagi. ITM telah dapat memainkan peranan penting untuk mengeluarkan tenaga manusia peringkat demi peringkat terutama sekali di peringkat pertengahan dan lain-lain yang kita perlukan.

Perkara ini akan diperkukuh dan dipertingkatkan lagi pada masa hadapan kerana kita bukan sahaja mahu ITM mengeluarkan atau melahirkan tenaga manusia yang mahir dalam berbagai bidang tetapi juga berdisiplin dan bermoral tinggi. Sehubungan dengan ini, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhonnat dari Pasir Mas kerana menyokong tindakan Kementerian Pelajaran mengambil tindakan tegas untuk mengawal dan menegakkan disiplin di ITM. Kita tidak akan bertolak ansur dalam perkara ini.

bukan sahaja kepada pelajar-pelajar ITM tetapi juga kepada semua pelajar di setiap peringkat persekolahan dan di Institusi Pengajian Tinggi di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, mengenai pembinaan masjid di ITM, Kerajaan memang semasa dahulu lagi bercadang untuk membuatnya dan ini telah diletakkan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kelima, namun demikian ini juga bergantung kepada keadaan kewangan negara kita.

Mengenai latihan ala tentera yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas juga, ingin saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa di ITM kita memang ada aktiviti-aktiviti seumpama ini, melalui aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang kita mestikan, yang kita tentukan supaya tiap-tiap pelajar di ITM dapat mengambil bahagian di dalamnya. Ini termasuklah mewajibkan pelajar-pelajar untuk melibatkan diri dalam badan-badan yang beruniform, badan-badan yang berpakaian seragam dan juga badan-badan yang melibatkan latihan fizikal dan sebagainya. Malah di ITM juga kita ada kumpulan tentera pelapis yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ini. Kita percaya sedikit sebanyak pelajar-pelajar di ITM adalah dilatih mengikut cara ala tentera walaupun tidak 100% dilatih secara ala tentera sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Pengerusi, kita juga sebenarnya di masa kini mengembangkan kampus-kampus ITM di setiap pelusuk tanahair untuk menambahkan keperluan melatih tenaga manusia yang kita perlukan. Di samping itu juga, kita terus memperluas dan membesarkan ITM Pusat dan kita juga akan terus memajukan sejauh mana kita boleh

menambahkan tebih banyak lagi kampus-kampus ITM termasuklah di negeri-negeri seluruh negara ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan masalah peluang memasuki sekolah berasrama penuh pula, ini telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga, Kementerian Pelajaran akan memberi keutamaan yang lebih tinggi kepada pelajar-pelajar dari luar bandar untuk memasuki sekolah berasrama penuh pada masa yang akan datang. Kementerian Pelajaran memang menyedari masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar luar bandar untuk mendapatkan peluang pelajaran yang lebih sempurna dan bermutu tinggi. Tetapi kemampuan Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah ini adalah terhad kerana keadaan ekonomi negara yang tidak mengizinkan.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat itu supaya Kementerian Pelajaran mengenal pasti sebuah sekolah menengah di setiap daerah untuk dijadikan sekolah berasrama penuh, Kementerian Pelajaran akan mengkaji perkara ini sebagai langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Namun demikian, perlulah saya jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di negara kita ini terdapat lebih 20 buah sekolah menengah asrama penuh dan ini bolehlah dikatakan secara sama ada langsung atau tidak langsung, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, representative of the State that are in Malaysia.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah menyentuh mengenai perkara sekolah asrama penuh ini. Beliau mengatakan bahawa pihak swasta harus digalakkan untuk melibatkan diri dalam mengendali dan membuat sekolah-sekolah asrama penuh. Cadangan ini

adalah baik dan kalau didapati baik dan menguntungkan, insya Allah kita akan mempertimbangkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Maran pula telah menimbulkan masalah kekurangan kemudahan dan guru-guru terlatih di luar bandar. Beliau mahukan lebih banyak rumah guru dan guru-guru terlatih ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar. Berhubung dengan perkara ini, saya suka menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran memang memberi keutamaan untuk membaiki taraf pelajaran di luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian Pelajaran telah pun dapat melaksanakan 529 projek mengandungi 2,088 buah rumah guru di kawasan luar bandar. Usaha ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima, di mana setakat ini sebanyak \$73.3 juta juga telah diluluskan untuk membina sebanyak 89 projek bagi menempatkan 11,890 orang penghuni.

Mengenai Pusat Sumber Pelajaran pula, Kementerian Pelajaran telah pun membina 4 buah Pusat Sumber Pelajaran Negeri setakat ini iaitu di Alor Setar, Kedah; Pengkalan Chepa, Kelantan, iaitu di kawasan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa—kita menolong juga, walaupun dari parti Pembangkang—Marang, Terengganu dan Beserah, Pahang, walaupun Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan hanya pihak Barisan Nasional sahaja yang dibantu. Di samping itu beberapa daerah juga telah dapat menubuhkan Pusat Sumber Pelajaran masing-masing.

Di peringkat sekolah pula, bilik-bilik tertentu telah diubahsuai untuk dijadikan Pusat-pusat Sumber. Kementerian Pelajaran akan terus berusaha untuk menyumbangkan sekadar alat-alat dan bahan-bahan yang sesuai untuk Pusat-pusat Sumber dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan masalah kekurangan guru terlatih di kawasan luar bandar pula, Kementerian Pelajaran memang menyedari perkara ini. Oleh kerana itu, Kementerian Pelajaran telah menambah kemasukan ke Maktab-maktab Perguruan dari 5,037 orang pada tahun 1984 kepada 10,346 orang pada tahun 1986, iaitu pertambahan lebih kurang 100%. Di samping itu, kursus-kursus dalam cuti juga telah diwujudkan semula bagi melatih guru-guru sandaran dan seramai 1,081 orang guru-guru sandaran akan diambil untuk mengikuti latihan ini tiap-tiap tahun.

Mengenai saranan beliau supaya calon-calon yang memasuki Maktab Perguruan diambil mengikut kuota keperluan negeri-negeri masing-masing, Kementerian Pelajaran memang ada memberi keutamaan kepada calon-calon dari negeri-negeri yang menghadapi masalah kekurangan guru-guru yang lebih mendesak. Walau bagaimanapun pengambilan guru-guru tersebut juga perlu mengambil kira keperluan guru mengikut matapelajaran dan kesesuaian kelayakan masing-masing. Memang kita menyedari hakikat bahawa sekiranya kita mengambil guru untuk dilatih daripada kawasan luar bandar yang ramai daripada guru-guru yang ada tidak mahu pergi ke tempat itu, maka sudah tentulah setelah dilatih nanti, mereka lebih berminat dan mempunyai keinginan yang lebih untuk bertugas di kawasan-kawasan luar bandar dari mana mereka berasal.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mendakwa bahawa kemahuan dan hak ibu bapa seperti yang terdapat dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu telah diabaikan dan penggubalan Dasar dan Program Pelajaran seperti KBSM dan meminda Akta Pelajaran 1961. Beliau mahukan Suruhanjaya ditubuhkan

untuk mendapatkan pandangan dan pendapat orang ramai. Berhubung dengan perkara ini, suka saya menegaskan bahasa Dasar Pelajaran Kebangsaan, Akta Pelajaran 1961 dan KBSM bukaolah digubal secara "fait accompli", dengan izin, sahaja. Jika Ahli Yang Berhormat itu berusaha mengkaji sejarah penggubalan dan pengubahan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Akta Pelajaran 1961, maka tindakan penggubalan perkara ini secara "fait accompli" adalah tidak timbul.

Kementerian Pelajaran telah menubuhkan jawatankuasa tertentu yang dianggotai oleh berbagai pihak dalam penggubalan dasar dan Akta tersebut. Di samping itu pandangan dan pendapat dari berbagai pertubuhan, golongan dan lapisan masyarakat telah diambil kira. Begitu jugalah dengan perancangan KBSM (Kurikulum Baru Sekoiah Menengah). Kementerian telah mengadakan

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada apa? Apa benda ini?

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh Yang Berhormat?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa "fait accompli" ini tidak timbul mengenai cadangan Yang Berhormat dari Seremban bahawa Seksyen 21 (2), Akta Pelajaran dimansuhkan. Kalau begitu, apakah gunanya seksyen ini wujud kalau kuasanya tidak akan digunakan, lebih baik dimansuhkan. Apakah gunanya masih diwujudkan atau membolehkan Kerajaan menggunakan kuasa ini kelak.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, peruntukan dia macam itu. Sama ada diguna atau tidak, itu terputang kepada keadaan. Sama ada peruntukan Akta itu ada di sana jikalau tidak digunakan, pua apa masalahnya. Setakat ini walaupun Seksyen 21 (2) Akta itu ada, perlu saya jelaskan

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada yang bangun, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya minta sabarlah Yang Berhormat. Bahawa setakat ini pun tidak pernah digunakan. Ada yang satu kes itu pun bukan pihak Menteri yang hendak menggunakan tetapi atas permintaan pihak ibubapa dan Lembaga Sekolah itu. Tuan Pengerusi

Tuan Ngoi Thiam Woh; (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia bangun, ada hendak beri?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya fikir masa ini tidak ada, Tuan Pengerusi, bukan kerana saya takut, bukan apa. Saya kasihan Menteri-menteri lain pun hendak menggunakan masa, dan Ahli-ahli Yang Berhormat ramai yang hendak bercakap. Jadi, minta sabarlah Yang Berhormat, mungkin Kementerian lain nanti. Tidak beri jalan. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, perlu saya tegaskan di sini bahawa penggubalan dasar dan program adalah mengambikira kepentingan, keperluan rakyat dan negara secara keseluruhannya bukan untuk memuaskan kepentingan dan sentimen sesuatu golongan tertentu sahaja.

Tuan Pengerusi, mengenai tuduhan bahawa kita mengabaikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil serta pengajaran bahasa Cina dan Tamil.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti, apa hal? Dia tengah menjawab lagi. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak berilah, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Guan Eng: Satu kali sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak beri.

Tuan Lim Guan Eng; Sekali sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Semasa orang bercakap tidak baiklah kita berdiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya belum sampai ke "full stop" lagi. Jadi, tunggulah "full stop" dia. Ini ditengah ayat, mengganggu. Jadi, kita ini belajar cara baik, mengajak orang supaya baik. Jikalau kita yang mengajar orang itu tidak baik, menghentikan orang bercakap belum habis ayat, bermakna kita tidak boleh mengajar orang berbuat baik.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Belum lagi. Setengah ini (*Ketawa*). Juga kita tidak benar sama sekali. Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha memberi layanan yang saksama, yang berpatutan, untuk semua sekolah.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Bolehlah (*Kelawa*).

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa pihak

Kerajaan tidak akan mengkaji semula Akta itu iaitu Seksyen 21 (2). Adakah ini bertentangan dengan janji masa pilihanraya dahulu bahawa Akta ini akan dikaji dan dimansuhkan. Adakah ini satu daripada prinsip yang amanah serta menunaikan janji Kerajaan?

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Pengerusi, selalu perkara ini ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi mengkaji bukan bermakna kita akan menghapuskan dan sebagainya. Mengkaji di tambahan atau dikurangkan. Jadi perkataan "mengkaji" ini mempunyai makna yang luas, bukan semata-mata kita mengkaji, kita menghapuskan, tidak. Macam kita mengkaji juga bidang-bidang saintifik yang lain, kita kaji mungkin kita tambah kajian kita itu. Tetapi kita tidak menghapuskan benda yang kita kaji.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Saya tidak beri jalan, Tuan Pengerusi, kerana masa ini begitu berguna kepada kita. Sudah diberi peluang Yang Berhormat ini bercakap sebelum saya menjawab ini. Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan.

Kementerian Pelajaran tidak membezakan peruntukan pengurusan antara Sekolah Rendah, Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Hanya pembangunan sekolah-sekolah bantuan modal sahaja tidak dapat diberikan dengan sepenuhnya kerana syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu. Kementerian Pelajaran juga telah berusaha menyediakan guru-guru yang secukupnya untuk mengajar bahasa Cina dan Tamil. Memang ada berlaku kekurangan guru-guru dari masa ke semasa, tetapi ini bukanlah

berlaku untuk matapelajaran bahasa-bahasa tersebut sahaja tetapi juga untuk lain matapelajaran dan Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan guru di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga menyatakan bahawa kita mesti menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri, ke institusi-institusi pengajian tinggi yang bermutu tinggi, yang berkualiti tinggi. Perlu saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa selama ini kita tidak menghantar pelajar-pelajar kita ke universiti-universiti atau institusi-institusi pengajian tinggi yang tidak bermutu tinggi. Kita menghantar mereka ini ke institusi-institusi pengajian tinggi yang kita katakan competitive, yang dianggap sebagai tempat-tempat yang mempunyai kualiti yang tinggi dan kita iktirafkan ijazah yang mereka terima dari peringkat universiti-universiti di mana kita menghantar mereka.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menyatakan apa kriteria yang digunakan untuk menjadikan universiti itu sebagai competitive dan diiktiraf oleh negara ini. Sama ada universiti-universiti seperti Princeton, Columbia, Yale, Harvard ini digunakan sebagai kriteria ataupun kolej-kolej di kawasan terpencil digunakan sebagai kriteria? Itu yang penting. Kalau hendak hantar, hantar ke kolej dan universiti yang terbaik.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, Tuan Pengerusi. Kita memang hantar ke kolej dan universiti yang baik. Saya

tidak menafikan mungkin kepada Ahli Yang Berhormat ada universiti di kaca mata beliau yang baik, tetapi di kaca mata kita apa yang kita fikir baik, itulah yang baik. Kita telah membuat kajian dan pasti.....

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun pula, ada hendak beri jalan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tunggu Yang Berhormat. Ini semasa kita bercakap belum habis ayat pun mengacau.

Dr Eng Seng Chai: Dia beri saya pun sama

Tuan Pengerusi: Jangan, minta teruskan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya teruskan. Dan kita anggap apa yang kita fikir baik itu baik, kerana setakat ini kita menghantar pelajar-pelajar ke sana dan kita mengakui bahawa mereka itu keluar dengan ijazah yang baik dan keluar dari institusi pengajian tinggi yang baik.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang, untuk mewujudkan Pejabat Pelajaran Daerah supaya Pejabat Pelajaran Daerah diwujudkan di daerah-daerah yang belum ada pejabat-pejabat. Memang menjadi tujuan pihak Kementehanan Pelajaran untuk mewujudkan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah di tiap-tiap daerah pentadbiran termasuk juga daerah Sepang. Cadangan ini hendaklah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, bergantung kepada kemampuan kewangan negara kita. Kementerian Pelajaran memberi keutamaan bagi negeri-negeri yang belum ada pejabat daerah sebagaimana negeri-negeri yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah menimbulkan perkara mengenai perlunya pihak Kerajaan

mengkaji dasar tolak-ansur pengambilan masuk pelajar-pelajar ke UKM. Pelajar-pelajar Cina dikatakan oleh beliau semakin ramai di UKM dan semangat perkauman semakin meningkat di sana. Perlu saya jelaskan di sini bahawa pengambilan kemasukan pelajar-pelajar ke Universiti Kebangsaan Malaysia adalah diasaskan kepada kuota 55%-45% sebagaimana yang kita telah ketahui iaitu 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera. Dengan demikian, tidak dapat dielakkan pengambilan pelajar dari kaum yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, kita sentiasa berusaha untuk mengawal masalah polarisasi kaum di universiti itu. Usaha-usaha akan terus kita jalankan untuk memperbaiki keadaan tersebut supaya ini tidak merebak dan menjadi masalah yang lebih serius lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga mencadangkan supaya lebih banyak sekolah berasrama penuh di seluruh negara kita wujud. Memang sebagaimana saya telah sebutkan tadi bahawa sebagai menjawab saranan dari Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, kita memang berusaha untuk menentukan supaya perkara ini kita ambilkira. Namun demikian, terpulanglah kepada kemampuan kita dari segi kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang akhir-akhir ini menimbulkan masalah penempatan guru di negara kita ini. Beliau menyatakan bahawa begitu ramai guru wanita ditempatkan di kawasan-kawasan sekolah-sekolah di bandar. Ini tidak boleh kita nafikan dan ini sebenarnya berlaku. Malah di seluruh negara pun kita dapati bahawa memang lebih ramai guru wanita daripada guru laki-laki. Dan yang memohon untuk memasuki maktab perguruan pun didapati lebih ramai guru wanita daripada laki-laki. Dan kita berusaha untuk menyeimbangkan

keadaan di masa kini supaya tidak begitu ramai sangat golongan guru-guru wanita yang memohon untuk masuk maktab perguruan dan sebagainya. Guru-guru perempuan ataupun wanita memang lebih ramai daripada laki-laki. Dan oleh kerana itu kita sentiasa menyeimbangkan dan tidaklah boleh kita katakan bahawa dengan adanya lebih ramai guru wanita daripada guru laki-laki ini prestasi pelajar-pelajar tidak begitu baik. Dan kita yakin bahawa guru-guru wanita juga mampu untuk mengajar anak-anak kita dengan cara yang berkesan dan mampu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi yang baik.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menyarankan supaya Universiti Islam Antarabangsa diminta menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar sepenuhnya. Perlu saya jelaskan bahawa memang bahasa Arab itu sebagai bahasa teras, tetapi bahawa Inggeris adalah diperlukan sebagai bahasa ilmu. Perlu juga saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa apa sahaja bahasa yang kita gunakan, tidak menggambarkan bahawa kita itu tidak Islam walaupun kita mengutamakan bahasa Arab sebagaimana Ahli Yang Berhormat perkatikan.

Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa juga mengatakan bahawa sekolah kanak-kanak cacat disesuaikan untuk pengajaran agama Islam. Bahasa isyarat yang kini digunakan oleh Kementerian Pelajaran untuk sekolah-sekolah kanak-kanak cacat pendengaran ialah sistem bahasa isyarat yang digelar "total communication". Kementerian Pelajaran telah membentuk satu jawatankuasa khas untuk menggalakkan satu kumpulan bahasa isyarat induk untuk pengajaran dan pembelajaran pengetahuan agama

Islam. Adalah dijangkakan bahasa isyarat induk ini untuk pelajaran agama Islam melalui sistem isyarat total communication ini, dengan izin, dapat digunakan mulai awal tahun 1987. Dan untuk itu juga pihak Kementerian Pelajaran bukan hanya menyediakan untuk sekolah cacat seperti ini tetapi akan menyediakan Sekolah Vokasional di Shah Alam supaya mereka yang berminat dalam pelajaran teknik dapat mengikuti pelajaran menggunakan bahasa isyarat ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga menuduh guru-guru terlibat dalam kegiatan politik. Beliau mengatakan guru-guru, sekolah-sekolah digunakan untuk aktiviti menyokong Kerajaan dan sebagainya. Sejauh manakah yang diketahui oleh pihak Kementerian Pelajaran, tidak ada laporan yang diterima mengenai guru-guru yang terlibat dalam politik sama ada parti Kerajaan ataupun parti Pembangkang yang diperlu diambil tindakan tatatertib oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji B^AJang bln Haji Uli: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat tahu, saya pernah membangkitkan hal ini di dalam Dewan yang mulia ini mengenai Guru Besar yang benar-benar terlibat. Saya sendiri menyaksikan kegiatan mereka itu. Kalau hendak tahu, buka *Hansard*, tahulah. Inilah bukti saya. Jadi, apakah kriteria digunakan oleh Yang Berhormat ataupun Kerajaan untuk membenarkan guru-guru ini terlibat di dalam politik?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Tuan Yang di-Pertua, itu mungkin apa yang dilihat oleh Ahli Yang Berhormat. Mungkin masa itu Yang Berhormat memakai cermin mata hijau (*Ketawa*), jadi yang dipandangkan itu salah. Kita tidak menerima laporan. Malah mungkin mereka yang menganjur itu mungkin ada aktiviti

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rasah bangun pula. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Sila.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai guru-guru, khususnya Guru-guru Besar mengambil bahagian politik dalam setiap kali pilihanraya umum, adakah Timbalan Menteri berkenaan menafikan perkara seperti saya sebut tadi tidak berlaku dan bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberi satu jaminan di sini jika ada aduan-aduan hantarkan kepada beliau maka Kementeriannya akan mengambil tindakan tatatertib terhadap guru-guru dan Guru-guru Besar itu?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Tuan Pengerusi, silakan. Saya setuju, kalau ada laporan daripada Ahli Yang Berhormat, sila hantarkan, tetapi tidak semestinya 100% laporan itu kami terima dan kami akan mengambil tindakan. Kita perlu menyelidiki akan kesahihan laporan daripada Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga mencadangkan supaya bantuan modal diberi kepada sekolah-sekolah agama rakyat kerana beliau menyatakan bahawa sekolah-sekolah agama rakyat adalah tidak mendapat layanan kerana digunakan oleh pihak Pembangkang untuk bergiat dalam politik. Sebenarnya, sekolah-sekolah agama rakyat adalah

layak mendapat bantuan modal dari Kementerian Pelajaran sama seperti lain-lain sekolah seperti Sekolah Jenis Kebangsaan atau Mission, dengan izin. Sekolah-sekolah berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Namun begitu sama ada kelulusan dapat diberikan adalah bergantung kepada kemudahan kewangan negara dan keperluan sekolah-sekolah berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga diakhirnya menyarankan supaya KBSR dikaji semula dan kelas muzik dihapuskan. Pendidikan muzik, Tuan Pengerusi, yang disediakan sekarang sebenarnya berteraskan nyanyian dan sedikit-sebanyak permainan alat genderang untuk iringan supaya pengajaran dan pembelajarannya lebih menggemirakan.

Istilah tari-menari tidak langsung timbul kerana gerakan yang terdapat merupakan gerakan untuk mengukuhkan alat dan ko-ordinasi badan pelajar-pelajar di negara kita. Sayangnya Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tidak ada di sini, tetapi kita menerapkan nilai-nilai baik dalam sanubari anak-anak kita, dengan cara yang berbilang jenis ini adalah juga tidak bertentangan dengan agama kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis telah mencadangkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka dan dasar-dasar Bahasa Rasmi diperbaiki dan penggunaan Bahasa Malaysia oleh rakyat Malaysia diperbaiki dan tidak seharusnya terus lemah, tidak selaras dengan dasar kita untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi yang kita agungkan.

Di peringkat sekolah rendah dan menengah memang diajar penggunaan bahasa dengan baik dan di peringkat

sekolah menengah juga, terutama sekali menengah atas, bahasa diajar pula menurut matapelajaran kesusasteraan budaya yang mengajarkan ciri-ciri keindahan bahasa. Pandangan Ahli Yang Berhormat itu insya Allah kita akan ambil tindakan dan ambilkira dalam rancangan kita untuk mengubal dasar pelajaran kita.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita dipertingkatkan. Kementerian Pelajaran memang sedang memberi penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dengan menggubal sukatan yang baru dalam KBSR dan mempertingkatkan kaedah pengajaran, pembelajaran dan menyediakan buku-buku panduan dan mempertingkatkan kemampuan guru-guru dalam bahasa ini. Kursus-kursus juga diberi kepada guru-guru di samping memperbanyakkan bahan-bahan di perpustakaan dan malah kita sekarang pun selalu menitikberatkan soal peningkatan mutu bahasa Inggeris di kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar kita. Kita terus menghantar guru-guru ke luar negeri dan juga melatih mereka di peringkat negeri untuk menentukan supaya bahasa mereka itu sentiasa tinggi mutunya. Kita juga bercadang untuk mengembalikan status Institut Bahasa kepada statusnya yang asal supaya di Institut ini juga nanti akan dapat kita latihkan guru-guru bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi supaya Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris akan dapat dijadikan bahasa yang bermutu tinggi di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas juga telah menyarankan bahawa usaha-usaha patutlah diambil untuk meningkatkan penguasaan murid-murid di sekolah dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Saya rasa ini saya sebutkan tadi dan tidak perlulah saya jelaskan.

Tuan P. Patto: Penjelasan!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya! boleh saya beri jalan.

Tuan P. Patto: Terima kasih. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau ada menyatakan bahawa usaha-usaha diambil untuk melatih guru-guru dalam mengajar bahasa Inggeris kepada murid-murid kita.

Ingin saya mendapat tahu sama ada pihak Kementerian masih berpegang kepada dasar yang digubal dan dilaksanakan beberapa waktu dahulu iaitu mengambil masuk guru-guru daripada United Kingdom supaya mengajar bahasa Inggeris. Jika ya, apakah hasil yang diperolehi daripada pengajaran bahasa Inggeris oleh guru-guru daripada United Kingdom ini dan tidakkah Kementerian memikirkkan bahawa guru-guru yang pernah mengajar bahasa Inggeris dalam negara ini yang sudahpun bersara tetapi masih mempunyai pengalaman yang begitu luas dalam bidang mengajar bahasa Inggeris, boleh diambil oleh Kementerian supaya mereka menjadi guru-guru bahasa Inggeris dalam sekolah-sekolah kita sepertimana berlaku masa sebelum merdeka dan juga selepas merdeka waktu sekolah-sekolah bahasa Inggeris masih wujud.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, untuk yang pertama itu memang kita teruskan.

Untuk jawapan yang kedua, saya hairan juga Ahli Yang Berhormat mungkin tidak ada baca suratkhbar ataupun lupa, memang dahulu lama sudah kita

Tuan P. Patto: Penjelasan!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan P. Patto: Oleh kerana kita tidak boleh 100% percaya kepada kenyataan-kenyataan dalam akhbar (*Tepuk*) oleh kerana Menteri-menteri sendiri mengatakan bahawa itu adalah cerita akhbar dan bukan kenyataan Menteri, Itu sebabnya saya bangkitkan di sini supaya mendapat satu jawapan yang tepat, tegas dalam Dewan ini (*Tepuk*),

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, Ahii Yang Berhormat ini hendak beri alasan sahaja, kenapa tunggu masa

Tuan Pengerusi: Sila teruskan, Yang Berhormat, kerana masa tidak ada, kita ada satu lagi Kementerian yang kita kena habiskan pada hari ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Mengapa tunggu masa ini untuk bertanya, mengapa tidak dahulu lama lebih 3-4 bulan

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, untuk yang kedua itu memang kita mempamerkan, kita memberi peluang kepada guru-guru yang bersara sekarang, terutama sekolah yang mengajar bahasa Inggeris dan ramai yang sudah memohon untuk menjadi guru-guru yang kita ambil balik untuk mengajar dan ini telah kita ambil supaya dapat bahasa Inggeris kita pertingkatkan. Jadi laporan itu boleh juga digunakan.

Ahli Yang Berhormat dari Bakri telah menyarankan supaya kajian ke atas Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dikaji semula supaya penguasaan Bahasa Malaysia mereka itu dapat dipertingkatkan. Kita memang berusaha ke arah ini supaya peningkatan mutu Bahasa Malaysia ini akan dapat kita tingkatkan, kita perbaiki. Beliau juga telah menyeru dan menyarankan supaya guru Melayu dilatih mengajar bahasa sebagai bahasa kedua dan

patut dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dan juga guru-guru ini perlu kita tempatkan di sekolah-sekolah yang tertentu. Setakat ini belum ada rancangan sebenarnya oleh pihak Kementerian untuk mengajar Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Ada guru pelatih Tionghua yang mengtkuti kursus Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menyarankan supaya sekolah-sekolah bantuan modal yang kurang diberi bantuan asas dan sebagainya, penyediaan kemudahan asas bagi sekolah bantuan modal adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah sendiri. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelajaran ada menyediakan sedikit peruntukan baginya, tetapi peruntukan ini terpaksa diagih-agihkan kepada sekolah-sekolah berkenaan di seluruh negara. Kemampuan kewangan Kementerian Pelajaran pada masa ini tidak dapat membolehkannya diberi tanah-tanah dan tapak tanah kepada sekolah-sekolah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor juga minta keluaran universiti tempatan boleh dipersoalkan. Apakah rancangan Kementerian Pelajaran kata beliau untuk meningkatkan graduan kita dari segi mutunya, memang kita selalu mendengar ini, tetapi tidak ada kajian yang dibuat mengenai sama ada mutu keluaran universiti pada masa ini adalah lebih rendah daripada masa lepas. Namun demikian, kita sentiasa berusaha untuk menentukan supaya mutu graduan kita yang keluar daripada universiti di masa akan datang sentiasa mempunyai mutu yang tinggi.

Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan membuat

teguran kepada Kementerian saya. Banyak perkara yang dikemukakan tetapi tidak sempat saya jawab, insya Allah, walaupun saya tidak jawab di masa ini, namun kita tetap akan mengambil tindakan terhadap cadangan-cadangan itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,043,944,600 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,043,944,600 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$776,720,190 yang disebutkan dalam Maksud P. 26 dalam Anggaran Pembangunan 1987 hendaklah diluluskan,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$776,720,190 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1987.

*Maksud B. 27 (Jadual)
Maksud P. 27 (Anggaran
Pembangunan 1987)—*

Tuan Pengerusi: Kepala Perbekalan B. 27 dan Kepala Pembangunan P. 27 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.40 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahas Maksud Bekalan B.27 Kementenan Luar Negeri, Butiran 020100 di bawah Aktiviti-Politik, peruntukan sebanyak

\$46,877,400 bagi tahun 1987. di muka surat 139 dalam Anggaran Perbelanjaan 1987.

Tuan Pengerusi, Kementerian Luar Negeri telah diperuntukkan jumlah wang yang banyak untuk perbelanjaan di bawah Aktiviti Politiknya bagi tahun 1987. Saya cadangkan supaya Kementerian Luar Negeri berhati-hati dalam membelanjakan peruntukan tersebut memandangkan kemelesetan ekonomi negara di mana perbelanjaan dapat diselamatkan maka ianya harus dibuat supaya perbelanjaan sebenar memberi kesan dan bermakna terhadap dasar luar negeri kita.

Sehubungan dengan Butiran ini juga, saya ingin mencadangkan supaya Wisma Putra mengeluarkan satu nota bantahan keras terhadap Kerajaan Singapura yang telah mengundang Chaim Herzog, Presiden Zionis Israel dan penganas antarabangsa kelas satu untuk membuat lawatan rasmi ke negara tersebut. Sebagai anggota ASEAN dan negara jiran terdekat kepada Malaysia, Kerajaan Singapura harus mengambil kira sensitiviti atau perasaan sebahagian besar rakyat Malaysia yang tidak dapat menerima kekejaman yang dilakukan oleh pihak Zionis Israel ke atas rakyat Paleslin.

Rakyat Malaysia juga tidak senang dengan sikap pemerintahan Tel Aviv yang begitu angkuh menyerang dan memusnahkan nyawa dan harta-benda orang-orang Arab mengikut suka hati mereka terutamanya di Lubnan, malah sewaktu lawatan rasmi Chaim Herzog di Singapura. jet-jet pejuang tentera udara Tel Aviv terus menyerang Lubnan atas alasan mempertahankan diri mereka. Jika negara Zionis Israel yang bersikap begitu angkuh dan kejam terhadap bangsa-bangsa lain yang menjadi jirannya, diberi penghormatan yang begitu tinggi oleh negara jiran kita seperti Singapura, maka kita harus

mengkaji semula apakah tujuan sebenarnya lawatan tersebut. Adakah Singapura telah lupa kepada kerjasama di antara negara-negara ASEAN ataupun adakah Singapura menganggap Zionis Israel itu adalah sebuah negara yang paling penting dalam pencapaian dasar luarnya. Kalau Kerajaan Singapura tidak mengindahkan sensitiviti negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Brunei dan Malaysia maka ia patut dikutuk dan dikecam sekeras-kerasnya. Kita mesti mempunyai pendirian yang tegas dalam hal seperti ini. Dan kalaulah salah satu dari anggota ASEAN tidak menghiraukan perasaan dan suara rakan-rakannya maka ia harus mengkaji semula dasar luar negerinya.

Saya juga rasa hairan kenapa seorang Menteri kanan Singapura iaitu Rajaratnam sanggup mengeluarkan kenyataan membidas negara kita yang tidak senang dengan lawatan Chaim Herzog. Mungkin beliau berpendapat bahawa keganasan Zionis Israel terhadap orang-orang Arab di Palestin itu tidak begitu penting jika dibandingkan dengan persahabatan manisnya dengan Singapura. Mungkin Menteri Singapura itu tidak sedar bahawa hampir seluruh dunia tidak senang dengan pemerintahan Tel Aviv yang begitu angkuh. Memandangkan hal yang demikian, saya juga ingin mencadangkan supaya Wisma Putra membantah di atas kenyataan Rajaratnam yang agak tidak sesuai dengan sikap dan dasar perjiranan di antara Malaysia dan Singapura.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Maksud Bekalan B.27, Butiran 010100 di bawah tajuk Pentadbiran, anggaran sebanyak \$41,097,600 untuk tahun 1987 di muka surat 139, Tuan Pengerusi, peruntukan Butiran 010100 di bawah tajuk Pentadbiran sebanyak \$41,097,600 didapati agak besar memandangkan kemelesetan ekonomi

sekarang, malahan perbelanjaan Butiran tersebut merupakan hampir 40% daripada jumlah mengurus keseluruhannya untuk Kementerian Luar Negeri bagi tahun 1987.

Saya ingin mencadangkan supaya perbelanjaan di bawah Butiran Pentadbiran dikurangkan dan jumlah yang diselamatkan itu dipindahkan ke butiran-butiran lain yang lebih penting. Dalam hal ini, saya cadangkan sebahagian daripada peruntukan Pentadbiran disalurkan kepada Butiran 030100 di bawah Aktiviti Asean yang hanya diberi peruntukan sebanyak \$1,927,200 atau kepada Butiran 030200 di bawah Aktiviti Ekonomi Antarabangsa yang juga mempunyai peruntukan kecil. Saya sangatlah berharap supaya setiap ringgit yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk Kementerian Luar Negeri akan memberi pulangan yang berkesan. Kemungkinan pihak Kementerian Luar Negeri mengkaji dengan lebih teliti lagi apakah sebenarnya kepentingan Malaysia masa kini, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi meleset. Sekiranya ekonomi antarabangsa diutamakan, maka sebahagian besar daripada peruntukan tahun 1987 Kementerian tersebut disalurkan kepada kegiatan yang sewajarnya. Tidak ada maknanya sekiranya Kementerian Luar Negeri memperuntukkan hanya \$2,003,200 iaitu tidak sampai 2% daripada jumlah Anggaran Pengurusan tahun 1987 kepada Aktiviti yang penting.

Saya tidak tahu bagaimana Kementerian Luar Negeri dapat memainkan peranan yang berkesan untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia sekiranya ia hanya membuat anggaran perbelanjaan yang sangat kecil. Oleh yang demikian, saya menggesa bahawa peruntukan Butiran ini dinaikkan sekurang-kurangnya ke kadar yang lebih munasabah dan sejajar dengan kepentingan negara.

Kementerian Luar Negeri tidak perlu meminta tambahan peruntukan daripada Kementerian Kewangan, oleh kerana ia sendiri boleh mengubahsuai atau mengambil daripada perbelanjaan yang kurang penting. Tidak ada gunanya jika Kementerian Luar Negeri mempunyai pegawai-pegawai diplomatik yang banyak tetapi tidak cergas dalam bidang-bidang yang lebih diperlukan oleh negara. Kalau setakat hendak menghantar pegawai-pegawai diplomatik sebagai wakil sematamata, maka mungkin dua atau tiga orang di setiap kedutaan adalah mencukupi, tetapi sekiranya banyak pegawai-pegawai yang ditugaskan di sesebuah kedutaan maka mereka harus menumpukan kepada tugas yang benar-benar menjadi kepentingan negara.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Butiran 030100 di bawah tajuk Ekonomi ASEAN di muka surat 140.

Saya ingin mencadangkan supaya Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri dan juga perwakilannya di seberang laut mempercepatkan lagi proses kerjasama di antara negara-negara ASEAN dalam bidang ekonomi. Terlalu banyak mesyuarat, rundingan dan persidangan antara negara-negara dalam ASEAN telah diadakan sejak dua dekad yang lalu, tetapi sehingga hari ini kerjasama yang erat di bidang ekonomi seperti mewujudkan pasaran bersama ASEAN belum lagi dapat dicapai.

Apakah sebenarnya masalah yang merintang penubuhan pasaran bersama ASEAN ataupun badan-badan kerjasama ekonomi yang sedemikian? Adakah negara-negara ASEAN sendiri tidak begitu minat ke arah kerjasama ekonomi di antara mereka? Saya cadangkan pihak Kementerian Luar Negeri kita harus berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai matlamat kerjasama

ekonomi ASEAN. Cadangan ini dibuat berasaskan kepada matlamat penubuhan ASEAN sendiri yang, antara lain, ialah untuk mewujudkan kerjasama ekonomi di antara ahli-ahlinya.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.52 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Kuching): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 136 B.27 di bawah Butiran 020000 Program Politik dan Penerangan.

Saya ingin menyentuh kepada satu perkara yang telah berkembang dengan amat kontroversi juga iaitu lawatan Presiden Herzog ke Republik Singapura baru-baru ini. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan pendirian pihak DAP ke atas konflik Timur Tengah di antara Israel dan rakyat Palestin. Pada dasarnya pihak kami berpendapat rakyat Palestin tidak kira kegiatan-kegiatan PLO, berhak untuk menduduki tanahair mereka, maka kami menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk menentang pencerobohan tanahair mereka oleh anasir-anasir zionis yang tertentu.

Maka pihak DAP juga menyertai tindakan-tindakan tertentu baru-baru ini supaya membantah lawatan Presiden Herzog dari Israel ke negara Singapura. Pihak DAP ingin menunjukkan secara jelas dan tanpa diragu-ragukan perasaan tidak puas hati ke atas insensitivity Presiden Herzog dan pihak Kerajaan Singapura juga terhadap pendirian ASEAN mengenai tindakan tentera oleh Israel menentang rakyat Palestin, akan tetapi Tuan Pengerusi, saya sedikit terkeliru mengenai sama ada pihak Kerajaan Malaysia telah dimaklumkan ataupun dirundingkan oleh pihak Kerajaan Singapura sebelum lawatan

Presiden Herzog ini diatur. Menurut Kaunselor Jack Choo di Singapore High Commission, persefahaman pihak Malaysia telah didapati sebelum lawatan berkenaan itu disusun, tetapi menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita hari ini, ia tidak pernah dimaklumkan meskipun mungkin Wisma Putra diberitahu ke atas lawatan ini.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, apa yang jelas nyata ialah sebahagian besar dari rakyat Malaysia serta negara-negara ASEAN tidak mengalu-alukan Presiden Herzog yang tidak berjaya membenarkan kawan-kawan pada lawatan yang sedang dijalankan.

Tuan Pengerusi, selepas saya menerangkan demikian, ingin saya juga menyentuh kepada beberapa perkembangan baru dalam hal ini yang pada hemat saya merupakan pengembangan yang sedikit sebanyak mengkuatiri. Dalam tempoh beberapa hari lalu, banyak penunjukan perasaan dan perhimpunan umum telah diadakan untuk membantah tentang pihak Singapura dan lawatan Presiden Herzog ke Republik itu. Dalam suatu tunjuk perasaan di Johor Bahru tidak lama lalu, individu-individu dan pihak-pihak tertentu melaung-laungkan cogankata ataupun perkataan-perkataan iaitu "Allahu Akhbar", maka sependuk-sependuk yang tertentu juga mempamerkan cogankata mengutuklah Yahudi.

Tuan Pengerusi, ingin saya, dengan izin, advise caution kepada semua pihak-pihak berkenaan supaya arahan asal kita dalam hal ini tidak kehilangan kerana emosi yang kurang sihat. Adalah asa) kita tentang konflik Asia Tenggara. Sepatutnya berdasarkan ke atas hasrat semua manusia untuk prinsip keamanan dunia iaitu peaceful co-existence among nations, dengan izin. Hasrat kita pada asalnya telah

menyokong rakyat Palestin dengan hak mereka menduduki tanahair mereka sendiri ialah supaya rakyat Palestin itu akan menikmati kehormatan Israel bagi hak mereka, peaceful co-existence di antara satu sama lainnya. Keamanan dunia menjadilah pertimbangan yang tertinggi bagi kita semua sebagai sebuah negara bebas serta sebagai salah satu aliran masyarakat antarabangsa di dalam usaha menyelesaikan masalah dengan rasional.

Maka amatlah penting supaya kita elakkan daripada menyalahanggapkan kegiatan-kegiatan bantahan yang sedang dijalankan sebagai, dengan izin, anti Jew ataupun anti Semitic, dari segi arena ataupun pandangan antarabangsa. Kita memang anti Zionis tetapi kita bukanlah anti Semitic seperti yang kita amalkan dalam Peperangan Dunia Kedua. Zionism adalah suatu corak perjuangan politik tetapi Judiasm ialah satu agama serupa dengan Buddhism, Islam, Christianity dan sebagainya. Dan bukan semua orang Yahudi adalah mempercayai dengan perjuangan Zionis juga.

Tuan Pengerusi, saya berkata demikian bukanlah saya seorang Jew lover, dengan izin, bukan saya, saya pun tidak kenal siapa orang Jew juga. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya merasakan politik antarabangsa mestilah berdasarkan kepada tindakan yang rasional. Kesilapan menyalahanggapkan konflik Palestin itu sebagai konflik Yahudi tentang Muslimin, akan hanya melahirkan perasaan benci-membenci di arena antarabangsa dan tidak akan menyumbangkan kepada prinsip keamanan dunia. Konflik Palestin itu satu masalah serius yang lama wujud. Susahlah masalah ini diselesaikan tanpa kita membawa dan mendatangkan faktor agama ataupun bangsa ke atas masalah ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu sekiranya negara kita ingin menarik sokongan dalam kegiatan-kegiatan negara kita menyumbangkan kepada peaceful co-existence dikonflik Palestin itu kita harus melancarkan platform, dengan izin, yang amat luas, maka dengan menghadkan masalah Israel tentang Palestin kepada suatu konflik di antara Yahudi dengan umat Islam sahaja, pihak-pihak tertentu yang asalnya menyokong kegiatan negara kita pun mungkin meragukan sama ada mereka patutlah menyokong kegiatan Malaysia ataupun tidak.

Pada ketika ini saya pun tidak pasti tindakan-tindakan bantahan yang dijalankan sekarang seperti penunjukan perasaan, seperti perhimpunan umum, saya pun tidak dapat pasti tindakan-tindakan itu berasal daripada anti Zionism ataupun anti Semitism ataupun anti Herzog ataupun anti Singapura. Marilah kita bersama-sama pulang balik kepada pendirian, bukanlah anti apa-apa sahaja tetapi pro keamanan dunia, pro world peace secara penyertaan dan tindakan yang rasional agar menunjukkan kepada dunia ini Malaysia adalah sebuah masyarakat yang matang, yang arif, yang waras, yang merupakan sebuah negara yang statesmanlike, dengan izin. Masa hadapan harus merupakan masa yang amat susah dengan cabaran hebat khususnya dari segi kerjasama antarabangsa untuk membanteras masalah ekonomi yang kian merosot.

Tuan Pengerusi, survival negara kita dari segi survival ekonomi harus menjadi misi negara kita pada masa kini manakala kita terus memperjuangkan ke arah keadilan antarabangsa, kegiatan-kegiatan bantahan telah menularkan hasrat rakyat Malaysia secara, dengan izin, loud and clear, kepada dunia pada amnya dan kepada negara jiran khasnya.

Apabila kita terus dengan usaha menyumbang kepada penyelesaian terhadap konflik Palestine, kita masih terpaksa untuk menghadapi masalah-masalah sosio-ekonomi di Malaysia serta rantau ASEAN juga. Oleh yang demikian, saya menasihatkan, dengan izin, "caution" dan "restraint" kepada hal lawatan Herzog ke rantau ini dan saya ingin menekankan sekali lagi DAP juga pun menyokong tindakan tentang kes ini, khususnya tentang tindakan pihak Kerajaan yang mungkin kurang sensitif kepada perasaan Malaysia. Dengan ini, saya menasihatkan "caution and restraint" kerana peristiwa-peristiwa yang berlaku baru-baru ini, dengan izin, "generates more heat than light" dan ucapan saya dalam hal yang amat sensitif ini yang menunjukkan pendirian DAP ini bertujuan hanya untuk melahirkan sedikit sebanyak cahaya dalam hal ini supaya kita tidak akan hilang "commitment" negara kita kepada keamanan dunia, iaitu arahan asal kita dalam perkara lama wujud ini dan janganlah kita "miss the wood for the tree"-dan "peace to the world".

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.02 ptg.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya pohon izin daripada Tuan Pengerusi untuk membahas Bekalan Maksud 27—Kementerian Luar Negeri, Butiran 010000 Pentadbiran Am, 020000 Politik dan Penerangan dan 020200 Penerangan Luar Negeri.

Bagt permulaannya inginlah saya sebut di sini bahawa sebenarnya kita di Malaysia ini sedang menghadapi satu ancaman yang amat besar, satu ancaman yang datangnya jauh, tetapi ianya dekat. Ianya merupakan satu ancaman dari Yahudi untuk

memusnahkan nusantara Melayu yang dikenali di dalam sejarah atau dengan bahasa yang terbaru, akan memusnahkan ASEAN.

Tuan Pengerusi, kita perhatikan di antara Singapura dengan Israel adalah hampir-hampir serupa dari segi bentuk luas dan besarnya negara itu, dari segi banyak dan sedikitnya penduduk negara itu, dari segi kekuatan ekonominya, dari segi kekuatan tenteranya. Kalau Israel menjadi sebagai duri di dalam daging kepada orang-orang Arab, maka negara jiran kita adalah hampir serupa. Oleh sebab kekuatan ekonomi, oleh sebab kekuatan politik, oleh sebab kekuatan-kekuatan segalanya, disokong oleh imperialis antarabangsa kepada kaum Yahudi di Israel, maka orang-orang Yahudi telah bangun menentang memusnah dan menghancurkan rakyat Palestine, telah melakukan segala kezaliman, segala kekejaman di tengah-tengah bumi Arab.

Kita bukanlah memperjuangkan nasib orang-orang Palestine kerana ianya orang-orang Islam tidak, kerana di katangan orang-orang Palestine ramai di antara mereka ialah orang-orang Kristian, tetapi kita memperjuangkan hak asasi bagi rakyat Palestine, kita memperjuangkan hak mereka, kita menuntut keadilan bagi pihak mereka. Bukan sahaja kita harus bersuara, tetapi kita harus bersuara dengan lantangnya menentang kezaliman, menentang kekejaman, menentang pembunuhan beramai-ramai. Bolehkah kita melihat mereka membunuh kanak-kanak, membunuh lelaki dan perempuan orang tua kita melihat di dalam Television, kita terlihat dalam suratkhbar, redhakah kita dengan keadaan yang sedemikian? Maka bumi yang sekecil itu, keadaan yang serupa itu, environment yang serupa itu akan pindah ke sebuah negara jiran kita

dengan bentuk dan keadaan yang serupa. Maka ini adalah satu alamat, ini adalah satu pertanda, ini adalah satu waraing kepada rakyat kita. Kita harus sedar tentang bahayanya.

Demonstrasi-demonstrasi itu tidak ada apa-apa makna kerana ia hanyalah satu demonstrasi, tetapi Kerajaan kita, Kementerian Luar Negeri mesti mengambil satu keputusan, mesti mengambil satu sikap yang tegas mengenai perkara ini. Kita tahu masalah-masalah yang akan dihadapi mengenai perkara ini, tetapi sikap kita yang tegas itulah yang akan dihormati oleh dunia luar. Kita melihat dengan ketegasan-ketegasan itulah negara-negara luar telah menghormati kita.

Kedatangan orang yang membunuh orang ini membawa malapetaka di sekitar dunia kita. Mereka mempunyai pengalaman-pengalaman yang banyak semasa menentang orang-orang Arab, mereka mempunyai bilangan yang terlalu kecil boleh mematahkan kekuatan orang-orang Arab. Inilah harus kita waspada. Jarum mereka cukup tajam, mereka mempergunakan dengan berbagai-bagai cara, mempergunakan wang ringgit, mempergunakan berbagai-bagai cara untuk menjatuhkan orang-orang Arab. Keadaan yang serupa akan terjadi ke atas negara kita.

Saya ingin merakamkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa keadaan kita lebih bahaya kerana di negara Arab, mereka hanya mempunyai satu bangsa bangsa Arab, tetapi kita di sini walaupun Malaysia, tetapi terdiri daripada berbagai-bagai keturunan. Ini tidak dapat menafikan akan timbul masalah-masalah kemudiannya. Saya harap dan berdoa perkara-perkara yang buruk tidak akan berlaku di negara ini.

Saya hngkaskan setakat ini sahaja, tetapi ingin saya rakamkan bahawa ini adalah satu bahaya, satu racun yang

mula tumbuh di negara kita ini. Saya beri peluang ini kepada sahabat-sahabat saya untuk memperluaskan perbincangannya kerana saya ingin menyentuh di dalam perkara-perkara yang lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa ada satu minit lagi.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Pendek sangat itu.

Tuan Pengerusi: Pendekkan.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Kita bincang berkenaan dengan kewangan ini, saya suka sentuh berkenaan dengan elaun luar negeri. Saya cadangkan supaya pihak Kementerian Luar Negeri menyemak semula kadar pemberian elaun luar negeri kepada pegawai-pegawainya kerana semua orang mengetahui bahawa pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar negeri tidak membelanjakan gaji mereka, mereka hanya hidup di atas elaun mereka, kadang-kadang elaun itupun juga berlebihan. Jadi, dasar pemberian elaun itu hendaklah dikaji semula dan diteliti dengan cermatnya.

Saya mengambil contoh, katalah diberi elaun luar negeri kepada pegawai-pegawai di satu-satu negeri itu berdasarkan kepada kos makanan, kos pakaian dan sebagainya, tetapi pada masa mengambil dan mencatat harga barang-barang saya mengambil contoh mencatat harga rokok umpamanya, tentulah mencatat harganya di satu kedai yang paling mahal sekali, walaupun ada kedai yang paling murah. Maka direkod harga yang mahal itu satu. Dengan sebab itu kosnya menjadi melambung. Sebenarnya, pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negeri membeli rokok melalui Kedai Bebas Cukai, maknanya pegawai-pegawai kita yang bekerja di luar negeri boleh membeli barang-barang tanpa cukai. Saya hanya mengambil contoh ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya rasa masa Yang Berhormat sudah habis. Saya mintalah supaya Yang Berhormat hentikan ucapan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ledang.

6.12 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 139, Maksud Bekalan 27, Butiran 030000, Program Ekonomi mengenai Aktiviti ASEAN dan juga Ekonomi Antarabangsa. Jumlah untuk ASEAN sebanyak \$1,927,200 dan Ekonomi Antarabangsa \$2,003,200.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada butiran-butiran tersebut berdasarkan kepada asas yang pertama bahawa Kementerian Luar Negeri pada hari ini dikatakan bukan sahaja mempunyai tanggungjawab dari segi diplomatik untuk kepentingan negara kita bahkan juga untuk memainkan peranan dalam bidang ekonomi. Oleh yang demikian, jika sekiranya tanggungjawab Kementerian tersebut merangkumi kedua bidang, maka sewajarnya pada hari ini kita menekankan sejauh mana Kementerian yang berkenaan dapat memainkan kedua-dua peranan tersebut untuk meningkatkan hubungan ekonomi antara negara kita dengan negara-negara yang lain. Itu asas yang pertama.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, apabila kita melihat dunia pada hari ini dari segi hubungan perdagangan dan ekonomi, kita dapati beberapa kumpulan negara-negara yang mempunyai hubungan dengan negara kita. Yang pertamanya ialah apabila kita melihat negara-negara ASEAN yang mempunyai kepentingan bersama. Maka tibalah masanya untuk kita menekankan hubungan yang lebih

rapat di antara kita dengan negara-negara yang mengeluarkan bahan-bahan utama terutama sekali negara-negara Indonesia dan juga Thailand.

Yang keduanya, kita menekankan hubungan kerjasama di antara kita dengan negara-negara yang diliputi dalam rangkuman negara-negara Selatan dalam dunia ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan usaha kita dalam rantau ASEAN ini, suasana yang terakhir seolah-olah tidak mengizinkan kita untuk meneruskan kerjasama yang rapat di antara salah sebuah daripada negara ASEAN. Saya percaya bahawa ini mungkin menjadikan satu masalah yang rumit. Tetapi ada lagi negara-negara ASEAN yang mempunyai kepentingan yang lebih banyak lagi dengan negara kita.

Saya ingin merujuk terlebih dahulu mengenai kerjasama di bidang pemasaran bahan utama yang pada ketika ini merupakan bukan kerjasama di antara kita dengan Indonesia ataupun Thailand, bahkan makin lama makin ke arah persaingan di antara kita, lebih-lebih lagi apabila lebih banyak pengeluaran untuk getah dan kelapa sawit, terutama sekali apabila kita dapati bahawa keupayaan ataupun capacity, dengan izin, untuk mengeluarkan kedua-dua bahan itu makin hari makin meningkat, walhal kos pengeluaran di negara-negara tersebut dibandingkan dengan negara kita adalah lebih rendah lagi. Jadi, dengan adanya capacity, dengan izin, yang lebih meningkat dari semasa ke semasa dalam bidang pengeluaran bahan-bahan mentah yang saya sebutkan tadi di samping itu pula penggunaan bahan-bahan tersebut makin lama makin berkurangan oleh kerana perubahan teknologi, usaha-usaha gantian dibuat oleh negara-negara maju, dan dalam jangka masa yang panjang kadar perdagangan di

antara kita dengan negara-negara maju adalah makin lama makin merugikan kita.

Tuan Pengerusi, di atas sebab-sebab di atas maka telah tiba masanya untuk pihak Kementerian Luar Negeri mengambil usaha yang lebih offensive lagi dari segi diplomasi ataupun dari segi perundingan ekonomi untuk mewujudkan satu suasana kerjasama di antara kita dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi, terutama sekali dari segi usaha untuk memastikan bahawa dalam jangka masa yang panjang bahawa pengeluaran bahan-bahan tersebut tidak akan melebihi daripada permintaan dunia dalam jangka masa yang panjang.

Yang keduanya, kemungkinan untuk mewujudkan satu usaha apa yang dipanggil grouping marketing ataupun pemasaran secara kumpulan di antara negara-negara yang terlibat mengeluarkan bahan-bahan kelapa sawit dan juga getah. Saya percaya selain daripada dua bahan tersebut, pengeluaran koko satu hari nanti akan berada dalam keadaan yang kita hadapi untuk getah dan kelapa sawit dan satu lagi bahan utama ialah kayu-kayan yang pada ketika ini dalam satu keadaan yang mengejutkan, persaingan yang hebat di antara negara kita dengan negara-negara ASEAN.

Tuan Pengerusi, saya menganjurkan supaya usaha diplomasi dan juga usaha perundingan secara kerjasama ekonomi diperkuatkan lagi di antara kita dengan Indonesia dan Thailand.

Tuan Pengerusi, selain daripada bahan utama, saya ingin merujuk kepada kerjasama di antara negara kita dengan negara-negara ASEAN dari segi pengeluaran ataupun kegiatan yang ada complementarity di antara kita dengan industri-industri yang mungkin sedia wujud ataupun mungkin diwujudkan dengan negara-negara ASEAN.

Dalam bidang ini saya mencadangkan supaya pihak Kementerian lebih kuat merujuk kepada menyatukan tenaga swasta yang ada di negara-negara ASEAN supaya satu usaha ke arah complementarity ini dapat diterjemahkan dari segi polisi ataupun dasar kepada satu bentuk pelaksanaan di peringkat projek yang berbentuk complementarity ini.

Saya percaya bahawa usaha diplomasi dan rundingan ekonomi adalah tidak memadai untuk mewujudkan projek "complementarity" ini dengan tidak adanya kerjasama yang rapi di antara sektor swasta yang ada di negara-negara dalam ASEAN.

Tuan Pengerusi, saya seterusnya merujuk kepada Ekonomi Antarabangsa selain daripada ASEAN. Yang dapat kita lihat pada masa sekarang di peringkat dunia ialah apa yang dikatakan perubahan struktur ekonomi negara-negara maju, sama ada negara itu adalah negeri Jepun ataupun negara-negara Eropah ataupun juga di Amerika. Mereka sedang melaksanakan perubahan struktur industri mereka kerana terpaksa menghadap pertandingan yang hebat sesama mereka ataupun kerana masalah yang wujud apabila berubahnya nilai matawang-matawang negara-negara yang berkenaan ataupun berlakunya perubahan disebabkan kemajuan teknologi ataupun perubahan disebabkan perubahan citarasa ataupun juga perubahan yang disebabkan polisi perlindungan pasaran negara masing-masing. Dan sebab-sebab yang membawa kepada perubahan struktur ini ataupun industrial restructuring, dengan izin, memberi implikasi sama ada industri yang ada di negara-negara maju itu akan terus "automate" ataupun "immigrate" ataupun "evaporate", dengan izin.

Oleh yang demikian, saya menyarankan di sini supaya pihak Kementerian Luar Negeri sesungguhnya berusaha untuk mengambil kesempatan. Kemungkinan industri-industri di negara-negara yang maju itu untuk "immigrate", untuk beralih tempat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, bolehlah gulung?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Selepas ini saya hendak minta Menteri Luar Negeri menjawab kerana kita kena habiskan pada hari ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dan cadangan saya ialah supaya pihak Kementerian mengambil daya usaha supaya membawa industri-industri daripada negara maju itu ke negara kita supaya dapat memperkuat lagi struktur sektor industri dan pembuatan di dalam ekonomi kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Adakah Yang Berhormat Menteri menjawab lama ataupun boleh habis dalam masa sampai pukul 6.30 petang?

6.24ptg.

Timbalan Meateri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Saya akan cuba.

Tuan Pengerusi: Jika tidak boleh, kita terpaksa metanjutkan masa pada hari ini,

Dato' Abdul Kadlr bin Haji Sheikh Fadzir: Saya akan cuba seberapa ringkas.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah pun menyatakan berbagai-bagai pendapat

mengenai lawatan Presiden Rejim Tel Aviv ke Singapura. Itu akan saya jawab bersama-sama dengan pandangan-pandangan yang lain yang telah pun diberi pada hari ini.

Sebelum itu, Tuan Pengerusi, suka saya menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat itu telah pun menyatakan bahawa peruntukan harus dilebihkan untuk kegiatan-kegiatan bagi menarik pelaburan ke Malaysia. Saya telah pun berkali-kali menyatakan di Dewan ini bahawa kita sekarang sudah pun mengadakan satu Jawatankuasa Penyelaras Ekonomi Luar Negeri di mana semua Jabatan-jabatan, Agensi-agensi Kerajaan bersama-sama dengan Perwakilan-perwakilan kita bekerja sebagai satu pasukan untuk meningkatkan kegiatan ekonomi kita di luar negeri. Jadi saya rasa buat masa ini kita bolehlah menjalankan kegiatan-kegiatan itu menerusi missionary ini.

Begitu juga saya memanglah mengambil perhatian apa yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu untuk meningkatkan kegiatan-kegiatan ekonomi di ASEAN. Ini sedang pun berlaku sekarang ini.

Begitu juga Ahli Parlimen dari Ledang telah pun menyatakan mengenai soal persaingan di antara negara-negara ASEAN mengenai bahan-bahan utama yang kita sama-sama keluarkan iaitu getah dan kelapa sawit, sebagai contoh. Perkara ini sedang pun kita selaraskan dengan negara-negara ASEAN supaya kita tidak begitu bersaing dalam pasaran antarabangsa kerana persaingan ini akan merugikan kita semua. Jadi dalam soal ini kita memang sepanjang masa ada perundingan-perundingan yang rapat dan rapi dengan negara-negara ASEAN supaya dari segi "marketing strategy" kita tidak akan merugikan sesiapa.

Begitu juga kita sedang pun involve sektor swasta dalam projek-projek complementarity yang telah pun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ini sedang pun dijalankan di dalam berbagai-bagai mesyuarat yang dijalankan oleh ASEAN menerusi mesyuarat-mesyuarat ASEAN dan juga menerusi ASEAN Chamber of Commerce.

Tuan Pengerusi, berbagai-bagai pandangan telah pun dinyatakan yang berkisar mengenai lawatan Presiden Rejim Tel Aviv ke Singapura baru-baru ini. Dalam hubungan ini saya inginlah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada parti DAP yang saya rasa buat begitu lama inilah kali yang pertama mereka bersama-sama dengan parti-parti yang lain bersama-sama menyokong suatu keputusan yang mencerminkan hasrat rakyat pada keseluruhannya, Saya rasa bukanlah semua yang dibuat oleh Kerajaan itu salah. Sudah tentu ada berbagai-bagai yang lain yang saya rasa sudah tentu dipersetujui oleh parti Pembangkang. Jadi kalaulah ada sikap-sikap macam ini dalam isu-isu yang lebih lagi maka sudah tentulah ini akan menguntungkan proses kita mewujudkan national unity dan perpaduan di dalam negara kita ini. Saya bukanlah hanya sekadar untuk hendak beri pandangan atau mengajar parti Pembangkang tetapi sudah tentulah sedikit sebanyak sikap mereka untuk bersama-sama dengan parti-parti yang lain menunjukkan perasaan rakyat Malaysia pada keseluruhannya, memanglah kata orang "heart warming".

Dalam hubungan ini saya suka ingin menjelaskan kenapakah ada cogankata-cogankata seperti "Allahu Akhbar, Allahu Akhbar" yang telah pun ditunjukkan dalam berbagai-bagai demonstrasi. Bangkangan kita terhadap lawatan ini adalah berbagai-bagai, bukan sahaja dari segi tekanan, penindasan terhadap rakyat Palestin,

bukan sahaja mengenai kezaliman, tetapi bagi orang-orang Islam ada satu perkara yang lain iaitu "occupation" Mesjid Al-Aqsa, yang mana bagi orang Islam adalah satu perkara yang begitu sensitif iaitu tempat ketiga suci bagi orang-orang Islam dalam dunia ini, selepas Mekah, Madinah dan juga Jerusalem. Jadi kita telah pun mendengar berbagai-bagai laporan bagaimana pihak-pihak Rejim Tel Aviv menjalankan kegiatan-kegiatan yang mencemarkan kesucian Mesjid itu. Jadi sedikit sebanyak tidak hairanlah kalau orang-orang Islam pula mengambil kesempatan lawatan ini dengan menunjukkan perasaan marah mereka tetapi dari segi angle keIslaman. Itu sebabnya.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang mungkin terdapat sedikit kekeliruan. Kita memang anti-Zionist, kita bukan anti-Yahudi.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingat saya kena lanjutkan mesyuarat ini sedikit masa lagi. Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbahasan dalam Jawatankuasa peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri dibincangkan dan dipersetujukan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor) Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang berbunyi: Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbahasan dalam Jawatankuasa peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri dibincangkan dan dipersetujukan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbahasan dalam Jawatankuasa peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri dibincangkan dan dipersetujukan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *memperkeruskannya Jawatankuasa*)

Perbahasan di sambung semula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah saya nyatakan, kita

bukanlah anti-Yahudi iaitu penganut-penganut agama orang-orang Yahudi, malah kita mempunyai orang-orang Yahudi yang merupakan rakyat Malaysia juga, tetapi ini mungkin ada satu kekeliruan mengenai perbezaan Zionism dengan Yahudi. Tetapi saya rasa apa yang dimaksudkan oleh orang-orang itu, kemarahan-kemarahan mereka itu adalah mengenai kegiatan-kegiatan Zionisme.

Satu lagi perkara yang telah dibangkitkan iaitu persoalan sama ada Wisma Putra tahu menahu mengenai lawatan ini, dan suka saya menegaskan di sini bahawa Wisma Putra dan juga Kedutaan Besar kita di Singapura tidak langsung diberitahu pada bila-bila masa mengenai lawatan ini secara rasmi. Apa yang kita tahu hanyalah mengenai akhbar-akhbar. Malah pegawai Kedutaan Singapura yang telah pun dilaporkan sebagai berkata bahawa Wisma Putra mengetahui mengenai perkara ini, telah pun menelefon kami selepas kenyataan itu dikeluarkan memperbetulkan apa yang beliau menyatakan. Kononnya apa yang beliau maksudkan adalah mengenai explanation yang dibuat oleh Kerajaan Singapura kepada Wisma Putra selepas bantahan sudah pun dikemukakan secara rasmi explanation mereka, selepas bantahan dilakukan oleh Jawatankuasa Bertindak tersebut. Saya ingin menegaskan di sini, Wisma Putra tidak tahu secara langsung mengenai lawatan rasmi ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit sebanyak yang telah dibangkitkan, yang lain-lain itu adalah mengenai soal, apakah yang kita hendak buat supaya perjuangan Palestine dapat diteruskan dan sebagainya, ini telah saya jawab berkali-kali dalam Dewan ini. Kita tetap pun mengadakan satu persidangan antarabangsa mengenai Palestine di Kuala Lumpur, usul yang

telah pun diterima di Kuala Lumpur itu telah pun dijadikan satu bahan perbincangan dalam satu persidangan antarabangsa yang diadakan di Geneva mengenai Palestine juga dan usul yang diluluskan di Kuala Lumpur itu sudahpun diluluskan dalam persidangan antarabangsa di Geneva dan ini sekarang sudahpun diterima sebagai satu usul Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Perjuangan kita mengenai Palestine begitu jelas sekali, malah kita merupakan sebuah negara yang dari awal-awal lagi telah mengetahui, mengiktiraf mengenai kekejaman pihak Zionisme ini dan kita telah pun memberi perlindungan pada masa itu kepada satu pertubuhan yang bernama Al-Fatah dan sekarang ini telah pun menjadi gabungan PLO.

Tuan Pengerusi, lain-lain pandangan yang telah pun dibangkitkan, pihak Wisma Putra akan mengambil perhatian dan apa yang boleh dilaksanakan akan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$110,734,400 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jaduat hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$110,734,400 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10,500,000 yang disebutkan dalam Maksud P.27 dalam Anggaran Pembangunan 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,500,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1987.

Tuan Pengerusi: Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat hujung minggu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang balik ke kampung masing-masing bertemu dengan anak, isteri atau

suami masing-masing dalam selamat dan beristirehat, dan lepas itu balik ke Dewan ini di dalam mood yang lebih bagus. (*Tepuk*).

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 24hb November, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.